



AL-HUDA

MISKIN BUKAN KEMAHUAN TAPI SATU UJIAN

Bil. 158 OGOS 2024M/1446H



Al-Huda

Bil. 158 Ogos 2024M/1446H

Miskin BUKAN KEMAHUAN Tapi Satu Ujian ...

Menangani Isu Kemiskinan
Di Brunei **21**

Jauhi Sifat Meminta-minta **25**

PROPAZ membantu Asnaf
Membasmi Kemiskinan **40**

Kaum Sadum **53**

Hukum Alam **65**



Mensyukuri Ni'mat Rezeki

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لِيْنَ شَكْرُتُمْ لَا زِيَادَكُمْ
وَلِيْنَ كَفُرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Mafhumnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya):
“Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'mat-Ku)
tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi
sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka
sesungguhnya azab-Ku sangat keras.

(Surah Ibraahiim : 7)



REDAKSI AL-HUDA**PENASIHAT**

Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh
Pengarah

PENOLONG PENASIHAT

Haji Ahmad Abdussalam bin
Haji Abd. Rahman
Penolong Pengarah

KETUA PENERBIT

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

PENOLONG KETUA PENERBIT

Qairunnisa binti Haji Jalil

PENYELARAS

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin
Azizah binti Hidup
Suriati binti Haji Ai Hussin

PEMBANTU PENYELARAS

Mohamad Zelihan bin Ahad
Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim
Dayang Hayatun Syakirah binti Haji
Awang Abdul Ghani

REKA BENTUK & ATURHURUF

Dahlan bin Chuchu

PENYEMAK AYAT AL-QUR'AN & HADITS

Ramlee bin Haji Kassim

PEMBAHAGI MAJALAH

Nurul Nabilah binti Masri

PENCETAK

EZY Printing Services & Trading Co.

TERBITAN

Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Kampong Pulaie,
Jalan Pusat Dakwah BB4310
Negara Brunei Darussalam

TINTA PENGARANG - 1

Basmi Kemiskinan Hidup Lebih Bermaruah

TITAH - 3

Laksanakan Penyelidikan Bersesuaian Basmi
Kemiskinan

UCAPAN MENTERI - 6

Program Pengupayaan Asnaf Zakat

TIRAI MUSLIMAH - 11

Targhib dan Tarhib Untuk Wanita

FOKUS - 21

Menangani Isu Kemiskinan di Brunei

KHUTBAH JUMAAT - 25

Jauhi Sifat Meminta-Minta

TAFSIR HUKUM - 30

Al-Qur'an Berbicara Mengenai Kemiskinan

MUTIARA HADITS - 34

Miskin Bukan Alasan Untuk Meminta-minta

TETAMU - 40

PROPAZ Membantu Asnaf Membasmi
Kemiskinan

KISAH KAUM TERDAHULU - 53

Kaum Sadum

MAQASHID SYARI'AH - 59

Memelihara Keturunan

AMAR MA'RUF & NAHI MUNKAR - 61

Menginfakkan Harta Ke Jalan Allah

CERPEN - 65

Hukum Alam

ASBABUN NUZUL - 80

Surah al-Baqarah ayat 243-245

LA TAHZAN - 84

Sesungguhnya Setelah Kesulitan Pasti Ada
Kesenangan

PUISI - 86

Tersesat Kembalilah Ke Pangkal Jalan

Doa Memohon Rezeki Yang Baik

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا

Maksudnya:

Ya Allah aku memohon pada-Mu ilmu yang bermanfaat,
rezeki yang baik dan amalan yang diterima.

(Riwayat Imam Ibnu Majah)

Basmi Kemiskinan Hidup Lebih Bermaruah



السَّمْوَاتُ الْآمِرَةُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ فِي الْعَابِرِينَ

"Maka berikanlah kepada kaum kerabat akan haknya (kebaikan dan hubungan silaturrahim) dan (begitu juga hak zakat atau sedekah bagi) orang miskin serta orang musafir yang terlantar dalam perjalanan (yang terputus perbelanjaannya). Yang demikian itu lebih baik bagi orang-orang yang menghendaki keredhaan Allah dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan. "

(Terjemahan ayat Surah ar-Ruum: 38)

Kemiskinan merupakan fenomena global termasuk dalam kalangan negara-negara maju. Ianya merupakan masalah sosial serius yang dihadapi manusia yang boleh menjelaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan. Sekalipun di negara kita isu kemiskinan tidaklah sebesar di negara lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani bagi tujuan untuk mengatasi dan seterusnya membantu warga susah untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Bukan sahaja membantu orang-orang susah (miskin) malah juga menumpukan perhatian kepada memperkasa golongan yang berisiko menghadapi kemiskinan seperti belia yang lemah pembelajaran, orang tua, orang berkeperluan khas dan cacat anggota, orang berpendidikan rendah, ketua-ketua keluarga besar dan ibu-ibu tunggal.

Salah satu upaya mengatasi kemiskinan ialah dengan meningkatkan taraf pendidikan dalam kalangan rakyat kerana pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai kemajuan. Dengan ilmu pengetahuan yang diperolehi akan memungkinkan seseorang individu ini berhasrat untuk mengubah nasibnya mahupun keluarganya dengan memanfaatkan ilmu yang ada.

Selain itu adalah melalui kemaslahatan zakat. Zakat yang disalurkan, *in sya Allah* akan dapat membantu mengatasi kemiskinan dan dapat membuat hidup lebih rukun dan berkat. Mereka boleh hidup berdikari tanpa kemiskinan setelah menerima bantuan-bantuan sama ada dalam bentuk latihan kemahiran, bantuan keusahawanan, geran atau pinjaman untuk berjaya dan bantuan mendapatkan pekerjaan.

Selain merupakan ibadah yang wajib ditunaikan, zakat adalah wadah untuk menyatakan rasa syukur atas ni'mat yang dikurniakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang berfungsi sebagai pembersihan harta, membersihkan jiwa, mensucikan hati daripada rasa dengki malah dapat mengukuhkan ikatan persaudaraan sesama Islam dan dapat meringankan kesusahan dan penderitaan golongan masyarakat yang memerlukan.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Sabaa' ayat 39, mafhumnya:

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya), dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."

Bersamalah kita membasmi kemiskinan agar setiap lapisan masyarakat dapat hidup dengan bermaruah dan pada masa yang sama menyumbang kembali kepada komuniti. Semoga apa yang dilaksanakan akan mendapat rahmat dan hidayah dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا،
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَرَكَاتٌ



Titah

LAKSANAKAN PENYELIDIKAN BERSESUAIAN BASMI KEMISKINAN

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA MAJLIS HAFLUT TAKHARRUJ KE-13
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
TAHUN 1445H / 2023M

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَهُوَ، نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالَّذِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ،

Beta bersyukur ke hadhrat Allah *Subhanahu wa Ta'alá* kerana mengizinkan kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-13, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada pagi ini.

Pada kesempatan ini, beta sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang menerima ijazah dan diploma pada hari ini. Ijazah dan diploma berkenaan adalah tanda kejayaan semua graduan yang telah

menyempurnakan pengajian dalam bidang masing-masing di UNISSA. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan beta kepada para ibu bapa, penjaga dan tenaga akademik atas usaha dan pengorbanan masing-masing bagi kejayaan para graduan.

Seperti dimaklumi, pada hari ini *Sustainable Development Goals* (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan adalah agenda global yang ditekankan untuk dilaksanakan oleh setiap negara. Negara kita turut tidak ketinggalan berusaha ke arah mencapai matlamat berkenaan. Daripada 17 matlamat yang telah disenaraikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antaranya ialah sifar kemiskinan. Kemiskinan adalah isu sosial yang boleh menjelaskan kesihatan, kesejahteraan, keselamatan dan pendidikan. Sekali pun di negara kita isu kemiskinan tidaklah sebesar di negara membangun lainnya tetapi ia tetap perlu ditangani.

Dalam Islam, pembangunan sosial masyarakat adalah menjadi tanggungjawab setiap individu dan lambang keutuhan iman. Ini jelas apabila baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menitikberatkan isu sosial sehingga baginda menafikan kesempurnaan iman bagi sesiapa yang tidur kekenyangan sedang dia mengetahui jiran tetangganya tidur dalam kelaparan.

Beta berpendapat, UNISSA berperanan besar untuk turut menangani isu ini. UNISSA boleh berganding bahu membasmi kemiskinan di negara ini dengan melaksanakan penyelidikan-penyeleidikan yang bersesuaian. Daripada hasil penyelidikan itu, akan dapat dikenalpasti cara atau jalan untuk membantu golongan terbabit melalui penjanaan pendapatan dan peningkatan taraf hidup dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.

Isu kemiskinan ini juga berkait rapat dengan isu sekuriti makanan. Makanan yang berkhasiat adalah diperlukan untuk kesihatan fizikal dan mental. Individu yang sihat akan menjadi sumber tenaga kerja yang berkualiti yang boleh menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan negara.

Kebetulan pula dengan wujudnya fakulti pertanian di UNISSA, beta percaya dengan kepakaran yang dimiliki akan dapat menyumbang bagi penaiktarafan eko-sistem pertanian dan peningkatan kualiti, hasil pengeluaran pertanian dan pemakanan negara. Termasuk dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menambah sumber pendapatan dan sekaligus menyokong agenda global ke arah mencapai matlamat kelaparan sifar dalam SDG.

Dalam hubungan ini juga, beta gembira mengetahui bahawa UNISSA adalah merupakan satu-satunya universiti tempatan yang tersenarai dalam *The Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2023* dalam penilaian prestasi universiti global yang mendokong agenda Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke arah mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG. Pencapaian ini membuktikan bahawa UNISSA terus mendapat pengiktirafan global dan berkembang seiring dengan tuntutan semasa.

Menyentuh mengenai kualiti program dan keperluannya kepada negara pula, beta mengambil maklum bahawa program Dwi-Ijazah Syari'ah dan Undang-Undang yang sedang berjalan pada masa ini, adalah ditawarkan di bawah Fakulti Syari'ah dan Undang-Undang. Program yang seumpama ini tidak ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam tempatan yang lain selain UNISSA sahaja. Beta melihat, ini adalah satu kelebihan bagi UNISSA.

Namun begitu, untuk mencapai kesan lebih baik dan kualiti lebih tinggi, maka beta berpendapat, ada keperluan untuk menjadikannya dua fakulti berasingan, satu Fakulti Syari'ah dan satu lagi Fakulti Undang-undang, di mana dengan hal yang demikian, dapatlah masing-masing fakulti itu akan beroperasi lebih teratur dan dapat memberikan tumpuan khusus supaya modul atau kursus di dalamnya boleh dirangka dengan lebih terarah. Sementara matlamat paling penting, kedua-dua fakulti ini, masing-masing akan dapat diharapkan untuk melahirkan lulusan-lulusan yang berkualiti yang memenuhi piawaian antarabangsa.

Adapun Fakulti Undang-Undang akan menyediakan pengajian peringkat tinggi dalam bidang perundangan Syari'ah dan Sivil, iaitu satu cara, untuk menghasilkan pengamal-pengamal undang-undang yang celik dan pakar dalam dua-dua perundangan Syari'ah dan Sivil sekali gus.

Akhirnya, beta tidak lupa merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis, Ahli-ahli Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai dan kakitangan UNISSA atas segala sumbangan tenaga, buah fikiran dan masa dalam sama-sama menjayakan Majlis Haflut Takharruj Ke-13 ini. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan membalaunya dengan sebaik-baik ganjaran di dunia dan di akhirat.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا،
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُه

PROGRAM PENGUPAYAAN ASNAF ZAKAT



Ucapan

Ucapan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama di Majlis Pelancaran Bengkel Khas Usahasama Kementerian Hal Ehwal Ugama Dengan Majlis Ugama Islam Singapura, pada Selasa, 25 Syawal 1429H bersamaan 28 Oktober 2008M, di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ، نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَأَلْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ إِلَهِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدُ،

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah memulakan suatu program yang bertujuan memberi latihan kemahiran dan penempatan kerja kepada sebahagian asnaf zakat.

Tujuan program itu adalah jelas, iaitu untuk mengupayakan atau memberi keupayaan kepada peserta-pesertanya mencari nafkah dan menyara hidup mereka sendiri dengan bekerja.

Mereka adalah sebahagian penerima agihan zakat dari asnaf fakir miskin. Mereka berusia dalam lingkungan orang-orang yang selayaknya mempunyai pekerjaan, bertubuh badan sihat dan berpelajaran sekurang-kurangnya lulus sekolah rendah tetapi kandas atau gagal semasa di peringkat menengah.

Jelas bahawa mereka bukan miskin kerana dha'if tubuh badan, berpenyakit atau kerana umur tua. Mereka setakat tidak mempunyai pekerjaan. Mereka bergantung kepada bantuan-bantuan dalam skim jaminan sosial sama ada anjuran kerajaan seperti agihan zakat di bawah kelolaan Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, atau bantuan kebajikan kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan atau derma dan sedekah badan-badan sosial seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, badan-badan korporat, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan orang-orang perseorangan.

Bahkan ada yang mengharap bantuan ibu bapa atau keluarga masing-masing. Pada hal ibu bapa atau keluarga mereka itu pun adalah juga terjumlah ke dalam kalangan orang-orang yang susah yang mana sebahagiannya adalah penerima-penerima bantuan di bawah skim jaminan sosial itu, termasuklah agihan zakat.

Maka di sini nampak betapa mujurnya mereka berada di negara

yang kerajaan dan masyarakatnya masih kuat mendukung dasar dan program kebajikan bagi penduduk dan rakyat yang berkehidupan susah. Dan mujurlah juga ada orang-orang seperti anda yang bersemangat dan prihatin lalu sama-sama turut memikir, mencari jalan dan seterusnya sedia terlibat dalam membantu mengatasi kemiskinan sebahagian anggota masyarakat yang perlu dikeluarkan dan dilepaskan dari lingkaran serta belenggu kemiskinan. Semuanya itu menjadikan keadaan kemiskinan di negara ini masih terkawal. Sekurang-kurangnya tidak ada orang miskin itu yang sampai menjadi pengemis di tempat-tempat awam.

Ajaran agama menggalakkan dan bahkan dalam hal-hal tertentu mewajibkan kita memeduli dan membantu orang susah. Ianya adalah khidmat bakti yang terpuji dan berpahala yang mana sebaliknya jika dicuui-cuaikan boleh mendatangkan dosa. Semangat dan ajaran sivik kemasyarakatan juga adalah menjadi pendorong yang kuat dalam kerja-kerja dan khidmat sosial dan sukarelawan.

Maka anda yang terlibat dengan bengkel yang khas ini, *in sya Allah* adalah orang-orang yang akan mendapat pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan dalam waktu yang sama, dari segi siviknya, layak pula mendapat penghargaan masyarakat sebagai penyumbang bakti yang dikehendaki iaitu daripada peringkat memikir

dan merancang pelaksanaannya, menyumbang tenaga, buah fikiran dan masa menyertai bengkel ini, memimpin iaitu menjadi fasilitatornya, mengikut sertakan badan pertubuhan, firma dan syarikat milik anda atau yang anda pimpin atau yang anda wakili menjadi *strategic partners* dalam pelaksanaan peringkat akhir latihan kerja dan penempatan peserta-peserta program khas yang menamatkan kursus mereka dari Pusat Pembangunan Belia, KKBS.

Dari sudut tanggungjawab Jabatan Majlis Ugama Islam yang mengurus ehwal zakat negara ini, bengkel ini adalah suatu usaha untuk mendorong dan meningkatkan penyertaan lebih banyak pihak-pihak yang akan tampil menjadi rakan strategik dalam usaha menjayakan agihan zakat kepada asnafnya, iaitu dalam konteks ini ialah asnaf fakir miskin. Sebab adalah mustahak sekali mereka yang menerima agihan itu dikeluarkan dari lingkaran dan belenggu kemiskinan. Memberi mereka latihan kemahiran adalah suatu daripada langkah ke arah itu. Langkah-langkah selanjutnya ialah mereka sendiri mesti berusaha bekerja.

Adapun agensi-agensi yang membantu termasuklah anda semua adalah pembimbing, pemudahcara atau pembuka jalan yang membawa mereka aktif membaiki nasib masing-masing.

Dalam usaha seumpama ini, saya terus terang mengakui betapa kita perlu menimba pengalaman orang

lain yang telah berjaya melepaskan sebahagian orang-orang miskin yang dibantu dengan memberi mereka kemahiran tertentu untuk mendapat mata pencarian. Dalam hubungan ini, Singapura adalah di antara negara yang dapat dicontohi. Dan Majlis Ugama Islamnya (MUIS) adalah berpengalaman dalam skim yang mereka namakan Skim Pengupayaan Bersepadu yang bertujuan membantu keluarga pincang keluar dari lingkaran kemiskinan.

Saya bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, dalam kesempatan ini sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada MUIS dan juga kepada tenaga-tenaga tiga orang pembengkel ini yang masing-masing akan mengongsikan ilmu dan pengalaman mereka menangani isu-isu mengupayakan asnaf zakat dari kategori fakir miskin dari sudut-sudut agama, sosial dan ekonomi.

Dalam masa yang sama saya juga mengalu-alukan sokongan anda sekalian peserta bengkel khas yang diadakan ini. Semoga kita semua berhasil dalam setiap usaha ke arah mengatasi kemiskinan yang akhir-akhir ini telah banyak disebut-sebut.

Ertinya, kita carilah ikhtiar, berusahalah secara bersepadu. Sebab isu kemiskinan ini, seperti yang saya pernah nyatakan, ada banyak dimensinya. Kita perlu melihat dan mendekatinya dari banyak arah. Jabatan Majlis Ugama Islam, KHEU, *in sya Allah* akan menyertai

dengan aktif apa jua usaha ke arah itu, menurut bidang tugas dan *competencynya*, bidang kelayakan menurut hukum syara' dan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini dalam perkara zakat.

Dari segi zakat yang terkumpul sepanjang tahun, Majlis Ugama Islam menerusi Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat menyediakan skim agihan yang meliputi bantuan asasi iaitu beberapa barang keperluan asasi, kewangan bulanan, bantuan persekolahan, pembinaan rumah dan membaiki rumah serta bantuan sewa rumah. Terdapat juga bantuan yang diberikan dari semasa ke semasa mengikut keadaan yang berbangkit seperti bencana alam, kebakaran, perubatan, belanja yang ditanggung oleh al-Gharimin kerana membangun dan membaiki masjid, sokongan kepada usaha dakwah dan lain-lain.

Perbelanjaan bulanan bagi maksud tersebut ialah sekitar 1.12 juta ringgit purata, iaitu sebanyak 13.44 juta setahun. Sementara hasil zakat tahun 2007 adalah sebanyak sekitar 19 juta ringgit iaitu dari hasil kutipan zakat dan dividen dari bakinya yang terkumpul. Kerana itu adalah sangat selesa bagi Jawatankuasa Menimbang Agihan Wang Zakat (yang bermesyuarat setiap minggu) meluluskan permohonan-permohonan baharu di samping permohonan menyambung bantuan yang sedia ada.

Itulah mujurnya orang-orang yang dikategorikan sebagai asnaf zakat di negara ini khasnya dari kalangan mereka yang tergolong fakir dan miskin. Mujurnya itu ialah negara dan kepimpinannya, kerajaan serta masyarakatnya adalah berpegang kepada nilai-nilai murni sistem jaminan sosial bagi sebahagian rakyat dan penduduk yang memerlukan jaminan untuk meneruskan hidup secara yang wajar.

Namun demikian jaminan sosial tidak terhenti setakat menyedia dan memberikan bantuan kewangan, yang mana bantuan kewangan itu sendiri adalah terhad jumlah dan waktunya. Tetapi jaminan sosial itu ialah juga menyediakan peluang-peluang pelajaran, kemahiran dan seterusnya pekerjaan.

Maka itulah yang kita usahakan meneruskan Program Khas yang sudah dimulakan tahun lepas dan akan diteruskan lagi selama lima tahun mulai sekarang dengan dana yang diperuntukkan dari wang zakat sebanyak 1.108 juta.

Itu baru setakat program yang kami namakan 'Program Besikut' iaitu dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Peserta-pesertanya juga terhad setiap tahun seramai 40 orang sahaja.

Kerana itu Program Khas itu sedang difikirkan untuk diluaskan dengan melibatkan lebih banyak rakan strategik yang terdiri dari firma-firma dan syarikat-syarikat untuk menerima secara langsung penempatan dan latihan kerja peserta-peserta yang dikenalpasti berpotensi untuk 'meneruskan' kerja setelah sekian lama mereka menganggur. Hal ini masih dalam pemikiran dan saya sebutkan di kesempatan ini dengan maksud akan mendapat maklum balas dari pihak-pihak berkenaan tentang kesesuaian dan pelaksanaannya.

Demikian, saya harapkan kita terus memikir dan mencari ikhtiar-ikhtiar yang baik untuk memeduli ehwal orang-orang yang susah di negara ini. Sesungguhnya itulah sebahagian cara yang mendatangkan berkat kepada Brunei Darussalam serta segenap isinya khasnya berkat berupa keamanan dan kesejahteraan yang kita nikmati bersama.





TARGHIB DAN TARHIB UNTUK Wanita

Islam memberi penekanan agar mendidik ummah mencapai taraf masyarakat yang berilmu dalam menjaga setiap langkah dengan berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara. Dengan demikian, kehidupan masyarakat dapat menuju menjadi sebuah negara yang dirahmati Allah serta menepati prinsip "بلدة طيبة ورب غفور" iaitu sebuah negara gemilang yang bukan sahaja kaya dan maju, bahkan mendapat pengampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, iaitu berpandukan syari'at Islam.

Da'wah juga harus mempertimbangkan elemen *at-targhib* dan *at-tarhib* dalam pelaksanaan. *At-targhib* adalah satu bentuk galakan dan motivasi kepada umat manusia agar sentiasa mempertingkatkan ketakwaan dan ibadat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. *At-targhib* juga boleh dimaksudkan sebagai janji baik dan ganjaran pahala kepada orang-orang shalih. Manakala *at-tarhib* pula adalah peringatan dan ancaman kepada manusia supaya menghindari sebarang kejahanatan dan kemaksiatan sama ada zahir dan batin. Konsep *at-targhib* dan *at-tarhib* adalah konsep dakwah yang memberikan rangsangan agar mendorong ke arah ketaatan kepada Allah dan ancaman supaya menghindarkan diri daripada berbuat kejahanatan.

Telah dimaklumi, bahawa wanita adalah ibu para generasi. Dialah ibu di tengah-tengah keluarga dan dari dirinya juga Allah mengurniakan anak kepada kita. Akan tetapi mampukah dia memikul tugasnya yang amat mulia itu? Bagaimana pula dengan keadaan kaum wanita dewasa ini? Sungguh tidak mungkin seorang wanita muslimah mampu membina keluarga yang kuat kecuali dia istiqamah terhadap agamanya dan menjunjung tinggi nilai-nilai yang terkandung dalam kitabullah dan

sunnah rasul-Nya. Oleh itu, dikongsikan beberapa ayat al-Qur'an dan al-Hadits yang berkonsepkan *Targhib* dan *Tarhib* untuk pedoman para wanita yang dikasihi sekalian.

Kelebihan dan Keutamaan Wanita

Islam meletakkan kedudukan wanita seiring dengan lelaki dalam banyak perkara. Lazimnya, banyak ayat al-Qur'an menyebut lelaki dan wanita dalam satu-satu ayat mencerminkan bahawa Islam tidak mendiskriminasi golongan hawa. Bahkan kejadian lelaki dan wanita tidak ada perbezaan kecuali taqwa.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Hujuraat, ayat 13:

بِيَمْيُونَهَا الْأَنْتُسْ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَنِشْأَةٍ
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِنَعَارِفَ الَّذِينَ أَكْرَمْنَا
عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَنَاهُ كُوچْخَانَى إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَمِيرٌ ١٣

Mafhumnya:

Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.

Dalam sebuah hadits daripada Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya

meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, dia berkata bahawa pernah ada seorang laki-laki datang kepada Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dan berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ! مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ
صَحَابَتِي؟ قَالَ: أُمُّكَ، قَالَ: مَنْ؟ قَالَ: شُمَّ
أُمُّكَ، قَالَ: شُمَّ مَنْ؟ قَالَ: شُمَّ أُمُّكَ، قَالَ: شُمَّ
مَنْ؟ قَالَ: شُمَّ أَبُوكَ.

Maksudnya:

"Wahai Rasullullah! Siapa orang yang paling berhak bagi aku untuk berbuat baik kepadanya?" Nabi menjawab: "Ibumu." Orang itu bertanya lagi, "Kemudian setelah dia siapa?" Nabi menjawab: "Ibumu." "Kemudian setelah dia siapa?" Nabi menjawab: "Ibumu." Orang itu bertanya lagi, "Kemudian setelah dia siapa?" Nabi menjawab: "Ayahmu."

Apabila diteliti terdapat di dalam al-Qur'an melalui surah al-Ahqaf, ayat 15 dinyatakan perkara-perkara yang boleh dikaitkan dengan kenapa seorang ibu diberikan keutamaan serta kelebihan dalam riwayat baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ini yang telah menyebutkan perkataan ibu sebanyak tiga kali setelah itu barulah perkataan ayah.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman dalam surah al-Ahqaf, ayat 15:

وَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالدِّيَهِ إِحْسَنًا حَمَلْتَهُ أَمْهُ
 كُرْهًا وَضُعْتَهُ كُرْهًا وَهَمَّةً وَفَصَلَهُ ثَلَاثَةَ
 شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشْدَدَهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً
 قَالَ رَبِّيْ أَوْزِنْنِيْ أَنْ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِيْ أَنْعَمْتَ
 عَلَيَّ وَعَلَىَّ وَالَّذِيْ وَأَنْ أَعْمَلَ صَلِحًا تُرْضِلَهُ
 وَأَصْلِحُ لِي فِي ذُرْبَتِيْ إِنِّي تَبَّتْ إِلَيْكَ وَلَمْ يَ
 ١٥ منَ الْمُسَلِّمِينَ

Mafhumnya:

Dan Kami memerintahkan manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandungnya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah. Sedang tempoh mengandungnya dan tempoh menghentikan penyusuannya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Apabila dia cukup dewasa dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, dia berdoa: "Ya Tuhan! Kurniakanlah aku ilham supaya aku tetap bersyukur terhadap ni'mat-Mu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amalan shalih yang Engkau redhai, dan kurniakanlah kebaikan kepadaku dengan (mengurniakan kebaikan) kepada zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada Mu, dan sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang berserah diri (kepada-Mu)."

Ayat 15 ini adalah merupakan ayat Targhib (ajakan) untuk kembali kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah Subhanahu wa Ta'ala memerintahkan supaya mengenang jasa ibu bapa kerana mereka telah banyak berjasa kepada kita. Maka dengan ibu bapa yang telah berjasa pun kita mesti ingat dan membalsas budi mereka, bagaimana pula dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala yang lebih banyak jasa kepada mereka? Maka mestilah kita ta'at kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Malah, mentaati-Nya melebihi dari mentaati kedua ibu bapa.

Begitulah Allah Subhanahu wa Ta'ala menyebut tentang kepayahan seorang ibu dalam mengandung dan melahirkan anak. Itu menunjukkan betapa Allah Subhanahu wa Ta'ala sayang kepada mereka dan menghargai susah payah mereka. Ini adalah satu penghormatan yang amat tinggi. Ayat ini menyebut ibu apabila menyebut tentang hamil (tidak menyebut bapa) sebab dia yang paling sukar dalam keadaannya mengandung dan melahirkan.

Namun, apabila seorang ibu itu dalam kesukaran, seorang ayah atau bapa juga secara tidak langsung akan turut merasa kesukaran. Walaupun begitu, tidak sama kesukaran seorang ayah dengan seorang ibu kerana ibu lebih banyak berjasa. Maka kerana itulah kita melebihkan ibu daripada bapa dalam banyak hal.

Selepas melahirkan anak, seorang ibu akan menjaga anaknya untuk tempoh yang agak lama. Ini kerana seorang anak yang baru lahir, amat memerlukan penjagaan dan bantuan dalam meneruskan kehidupan dari ibunya. Mereka tidak dapat makan makanan yang biasa, tetapi banyak bergantung kepada susu ibunya. Maka lihatlah bagaimana keadaan seorang ibu itu melalui semua ini. Sudahlah ibu itu susah mengandung selama sembilan bulan, kemudian susah dan sakit pula dirasakan semasa melahirkan anak. Tugas ibu tidak habis setakat itu sahaja kerana dia tetap akan menjaga dan menyusukan pula anaknya. Susu ibunya itulah yang terbaik bagi seorang anak damit. Oleh kerana itu, amat dititikberatkan oleh hospital kerajaan untuk seorang ibu menyusukan anaknya itu. Memang zaman sekarang, ada alternatif seperti susu tepung, susu formula dan sebagainya, tetapi susu ibu itu tetap yang terbaik.

Dikatakan ada perbezaan antara anak damit yang disusukan ibu dengan anak damit yang tidak disusukan oleh ibunya. Anak damit yang disusui dengan ‘susu badan’ akan mempunyai tubuh badan yang lebih kuat dan lebih tahan daripada terkena sebarang penyakit. Keseluruhan tempoh dari masa mengandung sampai habis menyusu mengambil masa lebih kurang 30 bulan seperti yang disebut dalam ayat ini.

Demikianlah betapa indah gambaran yang disebutkan melalui ayat ini kenapa seorang yang bergelar ibu lebih diutamakan dari seorang yang bergelar bapa atas dasar peranan dan tanggungjawab yang dipikul sedari mengandung, menyusukan seterusnya pengorbanan demi pengorbanan yang telah pun dihuraikan dengan ringkas.

Asal Kejadian Wanita

Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman dalam surah an-Nisaa’, ayat 1:

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ
 وَجَعَدَهُ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهَا رِجَالًا
 كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي شَاءَ أُولَئِنَّ بِهِ
 وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Mafhumnya:

Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam ‘alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan daripadanya pasangannya (Hawa), Dia (Allah) mengembangiakkan daripada kedua-duanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta (peliharaalah) hubungan silaturrahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengawasi (memerhati) kamu.

Dalam Tafsir ath-Thabari Jame' al-Bayan, Jilid 3, Qatadah dan Mujahid mengatakan, bahawa yang dimaksudkan jiwa yang satu adalah Nabi Adam. Sedangkan pasangannya adalah Hawa. Qatadah mengatakan Hawa diciptakan dari tulang rusuk Adam.

Dalam sebuah hadits Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiyallahu 'anhu bahawa sesungguhnya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

اَسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ حُلْقَתٌ مِّنْ
صِلْعٍ، وَإِنَّ اَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الْصِلْعِ اَعْلَاهُ،
فَإِنْ ذَهَبْتَ تُقْيِيمُهُ كَسَرْتَهُ، وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَرُدْ
اَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ.

Maksudnya:

Berwasiatlah kepada para wanita, sesungguhnya wanita diciptakan dari tulang rusuk. Dan sesungguhnya bahagian yang paling bengkok dari tulang rusuk adalah yang paling atasnya. Bila engkau ingin meluruskannya, engkau akan mematahkannya, dan jika engkau membiarkannya, ia akan tetap bengkok, maka berwasiatlah kepada para wanita.

Hadits ini menunjukkan bahawa kaum laki-laki harus berlaku lembut kepada wanita, bersikap baik terhadap mereka, bersabar atas kebengkokan akhlak dan lemahnya akal mereka. Selain itu,

hadits ini juga melarang menalak atau menceraiakan mereka tanpa sebab dan juga tidak boleh seseorang bercita-cita agar si wanita terus lurus. (An-Nawawi, Al-Minhaj, jilid 9, m.s 299).

Oleh kerana tabiat semulajadi dan asal ciptaan wanita tersebut membuktikan bahawa wanita sememangnya merupakan orang yang lemah dan perlu bimbingan dari seorang yang bergelar bapa atau suami.

Lelaki Pemimpin Wanita

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah an-Nisaa', ayat: 34

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ
اللهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا
مِنْ أُمُولِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَنِيتُ
حَفِظَتِ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي
خَافُونَ نُشُورُهُنَّ فِي ظُهُورِ
وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ
فَإِنَّ أَطْعَنَّكُمْ فَلَا يَنْغُو عَلَيْهِنَّ سِيلًا
إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِمْ كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Mafhumnya:

Laki-laki adalah pemimpin terhadap kaum perempuan kerana Allah telah melebihkan laki-laki (dengan beberapa keistimewaan) atas kaum perempuan dan juga kerana laki-laki memberi

nafkah daripada harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang shalih itu ialah yang ta'at (kepada Allah dan suaminya) memelihara kehormatan dirinya dan menjaga hak-hak suami ketika suami tidak ada bersamanya dengan pemeliharaan Allah. Dan perempuan-perempuan yang kamu khawatir melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) maka nasihatilah mereka dan (jika tidak ada perubahan dan mereka tetap berdegil) pisahkanlah tempat tidur mereka dan (kalau masih degil juga) pukullah mereka (dengan pukulan yang ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka telah mentaati kamu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah adalah Maha Tinggi lagi Maha Besar.

Ini adalah kedudukan yang Allah sendiri pilih dan Allah telah membuat keputusan untuk melebihkan lelaki ke atas wanita. Sebagaimana juga Allah telah memilih Mekah untuk menjadi Tanah Haram dan tempat yang mulia di atas muka bumi. Maka, dalam Allah menaikkan kedudukan lelaki, tidaklah Allah merendahkan kedudukan wanita. Sebagaimana kepala duduknya di atas, tapi tidaklah kepentingan kaki menjadi kurang kerana ia juga ada kerja penting. Cuma kebolehan dan kegunaan tidak sama. Begitu juga lelaki dan wanita tidak sama dari segi fizikal dan biologi.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dalam surah an-Nisaa', ayat 34 ini yang mafhumnya:

*Laki-laki adalah pemimpin terhadap kaum perempuan dengan kata lain, lelaki itu adalah pengurus wanita, yakni pemimpinnya, yang menguasai dan yang mendidiknya jika menyimpang dari landasan sebenar. Oleh kerana itulah Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita). Maka, dengan kelebihan yang ada pada laki-laki *nubuwwah* (kenabian) hanya khusus bagi kaum laki-laki. Demikian pula seorang raja.*

Dari tafsiran ayat ini jelas kepada kita bahawa lelaki merupakan pemimpin dan sekaligus pembimbing kepada kaum wanita. Bahkan Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* mengajar beberapa kaedah bagi menyelesaikan masalah rumah tangga dengan cara berperingkat-peringkat.

Jika isteri derhaka:

- Nasihat
- Pulaukan tempat tidur
- Pukul ringan

Jika isteri ta'at jangan menyusahkan atau mencari-cari jalan untuk mengambil kesempatan atas kebaikan isteri. Juga dijelaskan melalui Tafsir Ibnu Katsir iaitu mengenai firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* di akhir ayat surah an-Nisaa', ayat 34 ini yang mafhumnya:

Kemudian jika mereka telah mentaati kamu maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka, ini bermaksud apabila seorang isteri taat kepada suaminya dalam semua apa yang dikehendaki suaminya pada

diri si isteri sebatas yang dihalalkan oleh Allah, maka tidak ada jalan bagi si suami untuk menyusahkannya, dan suami tidak boleh memukulnya, tidak boleh pula mengasingkannya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* lagi dalam surah ini: *Sesungguhnya Allah adalah Maha Tinggi lagi Maha Besar* mengandungi ancaman terhadap kaum laki-laki jika mereka menganiaya isteri-isterinya tanpa sebab, maka sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar yang akan menolong para isteri. Dialah yang akan membalsas terhadap lelaki (suami) yang berani berbuat aniaya terhadap isterinya.

Ramai yang salahguna ayat ini sebagai dalil untuk menindas wanita. Manusia harus ingat, kuasa yang diberikan kepada lelaki dalam keluarga atau dalam mana-mana pemerintahan pun bukanlah kuasa yang penuh, bukan kuasa yang mutlak. Hendaklah ada *musyawarah* untuk membuat sebarang keputusan, sama ada *musyawarah* dalam keluarga atau dalam organisasi mana-mana pun. Dalam organisasi seharusnya ada ketua tapi tidaklah ketua itu ada kuasa mutlak. Kalau dia salahguna kuasa, tentulah dia akan dijatuahkan atau orang akan tinggalkan organisasi itu. Kalau tidak ada ketua yang jelas, sudah pasti akan ada kepincangan dalam keluarga atau organisasi itu.

Begitulah tanggungjawab sebagai seorang pemimpin dalam organisasi mahupun dalam keluarga amat berat, perlu jujur dan ikhlas serta

konsisten dalam menjaga amanah yang dipertanggungjawabkan.

Dalam hal ini, dibincangkan lagi isu seterusnya yang berkaitan dengan tanggungjawab seorang isteri kepada suaminya.

Penuhi Hak-Hak Suami

Wanita Muslimah sekalian, ketahuilah, sesungguhnya Islam menghendaki keutuhan rumah tangga yang dibina oleh suami isteri. Kerana itu, Islam memiliki cara untuk memeliharanya, agar terhindar dari segala sesuatu yang mengganggunya. Seperti yang kita maklumi, bahawa suami menginginkan agar isterinya selalu ta’at kepadanya. Oleh kerana itu, dalam wasiat Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* menerangkan hal-hal yang harus diperhatikan oleh wanita muslimah. Mari kita kaji dan kita ambil pelajaran darinya.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu* bahawa sesungguhnya Nabi *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

لَا تَصُمِّ الْمَرْأَةُ وَبَعْلُهَا شَاهِدٌ إِلَّا يَأْذِنُهُ، وَلَا
تَأْذِنْ فِي بَيْتِهِ وَهُوَ شَاهِدٌ إِلَّا يَأْذِنُهُ، وَمَا
أَنْفَقْتُ مِنْ كُسْبِهِ مِنْ غَيْرِ أَمْرِهِ، فَإِنَّ نِصْفَ
أَجْرِهِ لَهُ.

Maksudnya:

Tidak halal bagi seorang isteri berpuasa, sementara suaminya ada kecuali dengan izinnya. Tidak boleh pula mengizinkan seseorang masuk ke dalam rumah sementara suaminya ada kecuali dengan izinnya. Dan tidak boleh membelanjakan dari nafkah tanpa perintahnya. Sesungguhnya separuhnya akan sampai kepadanya.

Sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*: Tidak halal bagi seorang isteri berpuasa, menurut penjelasan ulama menunjukkan erti haram, tentunya selain puasa Ramadhan.

Menurut Imam an-Nawawi dalam kitab Syarah Muslim, Juz 8, m.s. 115: Yang dimaksudkan adalah puasa sunat yang pelaksanaannya tidak terikat oleh waktu tertentu." (Al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Akhwazi*, Jilid 3, m.s 495).

Larangan dalam hadits tersebut seperti yang dijelaskan oleh para ulama bererti haram. Sebab suami berhak untuk bercengkerama dan bersenang-senang dengan isteri di setiap hari. Haknya wajib dipenuhi, tidak boleh ditolak dengan sesuatu yang sunnah, atau kewajipan lain. Jika dikatakan: Berpuasa seizin suaminya boleh, asalkan jika suami ingin mengajaknya bercengkerama dengannya, maka dia membantalkan puasanya. Menurut hemat kami, walau bagaimanapun puasanya itu akan mengurangkan kemesraan sebagaimana biasanya, kerana dia harus membantalkan puasanya.

Sementara sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*: Sementara suaminya ada kecuali dengan izinnya, maksudnya suami ada bersamanya. Namun, jika suaminya sedang berpergian, maka boleh dia berpuasa, kerana tidak mungkin akan bercengkerama dengannya.

Timbul persoalan, bagaimana hukum puasa seorang isteri tanpa keizinan suaminya?

Menurut al-'Alaamah al-Imrani: (Ibnu Hajar 'Asqalani, *Fathu al-Bari*, Jilid 9, ms.s 296), jika isteri berpuasa tanpa izin suaminya, puasanya itu sah, tetapi dia berdosa. Soal diterima atau tidak, terpulang kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sementara menurut Imam an-Nawawi: Puasanya itu tidak mendapat pahala, bahkan larangan puasa dalam hadits tersebut menunjukkan haram. Al-'Alaamah al-Mubarakfuri mengutip dari pengarang "At-Targhib" bahawa termasuk di antara hak suami adalah mencegah isterinya mengerjakan puasa sunat. Jika isterinya berkeras mengerjakannya, maka puasanya tidak akan memperolehi apa-apa kecuali hanya lapar dan dahaga.

Imam al-Hafiz Ibnu Hajar *Rahimahullah* berkata: Sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*: *Tidak boleh pula mengizinkan seseorang masuk ke dalam rumah*, sementara Imam Muslim menambah: *Sementara suaminya ada kecuali dengan izinnya*, merupakan ungkapan yang tidak terdapat mafhum, keluar dari cara

pengungkapan kata pada umumnya. Namun, bukan bererti jika suami pergi, maka isteri diperbolehkan mengizinkan orang lain masuk ke rumahnya. Bahkan berdasarkan hadits-hadits yang berlaku yang berkenaan dengan larangan memberikan izin masuk ke rumahnya, ketika suami pergi. Namun, jika memang ada alasan mendesak, jika dia mengaku sangat terpaksa dan dharurat, maka dia tidak memerlukan izin suaminya, lantaran adanya alasan yang mendesak.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* (Rujuk an-Nawawi, Syarah an-Nawawi Shahih Muslim, Jilid 7, m.s. 115) menambah lagi, ungkapan: Tidak boleh pula mengizinkan dalam rumah suaminya, di dalamnya tersirat pengertian bahawa seorang isteri tidak boleh melewatkannya suami dalam memberi izin di rumahnya. Ini adalah kemungkinan suami tidak meredahainya. Sedangkan jika dia mengetahui suami redha dengan pemberian izin tersebut, maka tidaklah mengapa baginya. Seperti mengizinkan orang yang sudah biasa bertemu, sama ada suami ada atau pergi, maka tidak perlu ada izin khusus untuk itu. Intinya, permintaan izin kepada suami harus ada *penjabaran*, sama ada secara terperinci mahupun global.

Seterusnya sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang bermaksud: *Dan tidak boleh membelanjakan dari nafkah tanpa perintahnya*, (Rujuk an-Nawawi, Syarah an-Nawawi Shahih Muslim, Jilid 7, m.s. 115) maksud ungkapan hadits ini adalah apabila seorang wanita

muslimah menyedekahkan harta tanpa seizin suaminya secara terus terang dalam kadar yang ditentukan, sementara dia telah beri izin pada tahun lalu, maka pahala antara keduanya sama-sama memperolehi separuh. Telah diketahui bahawa jika seorang isteri muslimah membelanjakan harta tanpa izin secara terus terang dan tidak pula dikenal menurut kebiasaan, maka dia tidak memperolehi pahala, bahkan dia berdosa.

Oleh itu, bersedekah atau berbelanja itu secara keseluruhannya ditentukan menurut kadar yang ringan yang diketahui keredhaan pemilik menurut kebiasaan. Jika melebihi dari kebiasaan, maka tidak diperbolehkan. Inilah maksud sabda Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, jika seorang isteri menafkahkan sebahagian makanan rumahnya tanpa merugikan.

Demikianlah, wahai saudaraku wanita muslimah, kita mengetahui sebahagian etika yang memelihara hubungan antara suami dan isterinya, sekali gus menjadikan kebahagiaan dan kesenangan dalam rumah mereka berdua. Semua itu merupakan wasiat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*.



Doa

Terhindar Dari Golongan Zalim

رَبِّ فَلَا تَجْعَلْنِي فِي الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٩٤﴾

Mafhumnya:

*Ya Tuhanku! Maka janganlah Engkau
jadikan aku berada dalam kalangan
kaum yang zalim itu.*

(Surah al-Mu'minun: 94)

Menangani Isu Kemiskinan Di Brunei

Sumber :
Bahagian Perkhidmatan Sosial
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam



Negara Brunei Darussalam amat komited menangani isu kemiskinan di negara ini. Strategi Zero Poverty 2035 atau Bebas Kemiskinan 2035 adalah antara salah satu rancangan *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang berkait rapat dengan Wawasan Brunei 2035.

Pelbagai usaha giat dilaksanakan untuk mengukuhkan jaminan sosial dan perlindungan kepada golongan tertentu. Beberapa skim bantuan juga turut disediakan khusus bagi mereka yang memerlukan.

PELAN TINDAKAN PEMBASMIAN KEMISKINAN

Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan adalah di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS).



Strategi di bawah Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan iaitu:



Setiap kementerian dan agensi yang akan mendukung strategi-strategi berkenaan disenaraikan bersama dengan petunjuk-petunjuk prestasi utamanya (KPI).

SISTEM KEBAJIKAN NEGARA (SKN)



Sistem Kebajikan Negara (SKN) telah direka bentuk khusus bersandarkan strategi-strategi dalam 'Pelan Tindakan.' Ia adalah platform untuk mensejajarkan proses pemberian bantuan dari pelbagai agensi bertujuan untuk memudahkan proses permohonan bantuan secara bersistematik supaya pemberian bantuan diberikan kepada orang yang benar-benar layak dan tepat malah ianya juga membantu pihak kerajaan menganalisis data terkini untuk mengetahui situasi penerima bantuan.

Laporan-laporan Sistem Kebajikan Negara (SKN) sememangnya dikongsikan kepada ahli-ahli Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk tindakan.

Bantuan-bantuan yang terdapat dalam Sistem Kebajikan Negara (SKN) iaitu:

**Jabatan Pembangunan
Masyarakat
(JAPEM)**

- Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB)

**Majlis Ugama Islam Brunei
(MUIB)**

- Bantuan Asnaf Fakir dan Miskin (AFM)
- Program Pengupayaan Asnaf Zakat
(PROPAZ)

**Kementerian Pendidikan,
Kementerian Hal Ehwal
Ugama dan Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah
(YSHHB)**

- Pengintegrasian bantuan Keperluan
Persekolahan Tahunan (BKPT)

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) adalah entiti langsung daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang membantu kelompok sasar melalui aktiviti pemerkasaan dan kebajikan. Fokus Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) adalah membantu penerima bantuan berdikari dan keluar dari kelompok miskin dengan menyalurkan dana untuk perniagaan, pendidikan dan pelbagai jenis bantuan. Pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) juga menyediakan perkhidmatan intervensi seperti kelas tambahan kepada pelajar sekolah yang dikenal pasti dari latar belakang keluarga berpendapatan rendah.

**PERTUBUHAN BUKAN
KERAJAAN (NGO)**

Pertubuhan bukan kerajaan juga turut sama-sama membantu mengurangkan kemiskinan di negara ini seperti:



Melalui Program Keusahawanan, penerima-penerima bantuan telah disalurkan untuk mengikuti Program Berniaga Dari Rumah, Program BIBD SEED dan Program Bantuan Keusahawanan.

Inisiatif-inisiatif di bawah strategi pekerjaan, strategi keusahawanan dan

strategi latihan dan kemahiran dalam Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan termasuk memberikan taklimat dan latihan yang bersesuaian untuk memupuk minat, mendukung usaha dan meningkatkan kebolehpasaran penerima bantuan dalam mendapatkan pekerjaan atau pun berkecimpung dalam bidang keusahawanan.

Sementara itu, melalui Program Kemahiran dan Latihan, penerima-penerima bantuan dan tanggungan mereka telah diaturkan untuk menyertai *Micro Business Bootcamp* di bawah DARe, Program Komuniti, Program Inovasi Belia Berwawasan dan Program Bengkel Pertanian.



JAUHI SIFAT Meminta-Minta

Wahai kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* menyediakan dan menetapkan rezeki kepada sekalian makhluk-Nya, namun kadar rezeki yang diberikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* itu adalah berbeza-beza, ada yang dilimpahi dengan rezeki yang banyak, ada yang sederhana dan ada pula yang kurang sehingga tidak mencukupi untuk menampung keperluan yang dikehendaki. Walau bagaimanapun semua itu adalah kehendak dan ketentuan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* yang sudah setentunya mempunyai hikmah yang tersirat, yang hanya

diketahui oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* juga. Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berfirman dalam surah As-Syuura’ ayat 27:

وَلَوْيَسْطَ اللَّهُ الرِّزْقَ لِعِبَادِهِ لِبَغْوَافِ
الْأَرْضِ وَلَكِنْ يُنْزِلُ بِقَدْرِ مَا يَشَاءُ إِنَّمَا
خَيْرٌ بَصِيرٌ

Mafhumnya:

Dan kalaullah Allah meluaskan kurnia rezeki kepada hamba-hamba-Nya, tentulah mereka akan berlaku zalim di bumi tetapi Allah menurunkan (rezeki-Nya itu) dengan kadar yang tertentu

sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Teliti lagi Maha Melihat hamba-hamba-Nya.

Oleh yang demikian, barang siapa yang telah dikurniakan Allah dengan rezeki yang banyak, mereka hendaklah sentiasa bersyukur dan memanfaatkan rezeki tersebut dengan sebaik-baiknya. Manakala barang siapa yang ditakdirkan Allah dengan rezeki yang sedikit, janganlah menyalahkan takdir Allah semata-mata dan mereka juga hendaklah sentiasa bersyukur dan tetap terus berusaha mencari rezeki serta tidak berputus asa.

Ahli jemaah sekalian,

Sebagai umat Islam kita hendaklah sentiasa berusaha mencari rezeki bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kehidupan sama ada untuk diri sendiri mahupun orang yang di bawah tanggungan kita. Kita menyedari bahawa kos sara hidup pada masa ini adalah tinggi dan memerlukan perbelanjaan yang banyak, seperti keperluan tempat tinggal, makan minum, pakaian, pengangkutan, sekolah dan sebagainya. Perkara ini sudah tentu sedikit sebanyak menyebabkan golongan berpendapatan rendah lebih-lebih lagi bagi golongan fakir dan miskin merasa sukar untuk memenuhi ke semua keperluan diri sendiri, keluarga dan orang yang di bawah tanggungan mereka. Dalam hal sedemikian mereka hendaklah tetap berusaha dengan bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal, tidak

berputus asa dan sentiasa bersabar, sentiasa bersyukur dengan apa yang diterima dan seterusnya mengamalkan kesederhanaan dan berjimat cermat. Sebenarnya itulah di antara tindakan orang yang bijak. Ini kerana walaupun seorang itu mempunyai wang yang banyak namun jika dia tidak bersyukur, suka berbelanja dengan boros dan tidak berjimat cermat, maka berapa banyak pun wang yang dimiliki, dia tidak akan pernah merasa cukup, malahan terdapat pula sebilangan mereka yang sanggup meminta-minta bantuan kewangan ataupun berhutang keliling pinggang semata-mata untuk memenuhi keinginan hawa nafsu.

Kita ambillah iktibar dari kisah dalam sebuah hadits Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Hakim bin Hizam *RadhiAllahu 'anhu*, bahawa setiap kali dia meminta kepada Rasullullah *ShallAllahu 'alaihi wa sallam*, baginda akan memberikannya. Namun setelah tiga kali dia datang meminta, baginda pun bersabda, maksudnya:

Wahai Hakim, sesungguhnya harta dunia ini memang indah dan manis, barang siapa yang mengambil harta dunia dengan hati yang lapang yakni tidak bercampur dengan sifat ketamakan, nescaya akan dilimpahkan keberkatan dalam hartanya itu, tetapi barang siapa yang mengambil harta dunia dengan ketamakan, pasti tidak akan ada keberkatan dalam harta yang diperolehi itu. Orang yang sedemikian itu adalah ibarat orang yang makan

dan tidak pernah kenyang perutnya. Tangan yang di atas yakni yang memberi itu lebih baik daripada tangan yang di bawah yakni yang menerima pemberian.

Setelah hakim mendengar akan teguran dan nasihat Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* berkenaan sikapnya yang suka meminta-minta, beliau semenjak dari saat itu tidak lagi pernah meminta-minta kepada sesiapapun meskipun dia berada dalam kekurangan. Inilah sikap terpuji yang patut dicontohi oleh kita semua. Janganlah kita menjadikan sebab kekurangan hasil pendapatan sebagai alasan untuk meminta-minta bantuan semata-mata bagi memenuhi keperluan hidup yang tidak mencukupi.

Namun apa yang menyedihkan pada masa ini terdapat sebilangan orang yang meminta-minta wang ke rumah-rumah keluarga, jiran atau rakan-rakan, ke rumah orang yang tidak dikenali, ada juga di antara mereka meminta-minta kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan bantuan kewangan, dan lebih mendukacitakan terdapat juga segelintir orang yang tanpa segan silu meminta-minta wang daripada orang ramai di tempat-tempat awam seperti di kompleks membeli belah, restoran, di tanah perkuburan atau seumpamanya dengan alasan bahawa hasil pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi bagi menampung keperluan hidup.

Ketahuilah bahawa agama Islam melarang umatnya dari perbuatan

meminta-minta. Walau bagaimanapun seseorang itu ditakdirkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menjadi orang miskin atau fakir, namun mereka tetap tidak digalakkan untuk meminta-minta. Ini berdasarkan kepada sabda Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah, daripada Imran bin Husin berkata, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyayangi hamba-Nya yang beriman yang miskin, yang tidak suka meminta-minta sedangkan dia mempunyai anak yang ramai.

Renunglah, betapa orang miskin lagi tidak digalakkan meminta-minta, apatah lagi orang yang berkemampuan. Sebagai hamba Allah kita hendaklah sentiasa bersyukur dan redha ke atas rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah telah melarang kita dari sifat tamak dan haloba kepada harta benda sehingga sanggup mencari harta dengan cara meminta-minta. Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* ada bersabda akan akibat orang yang meminta-minta sebagaimana hadits riwayat Imam al-Bukhari dari 'Abdullah bin 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* berkata bahawa telah bersabda Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* maksudnya:

Seorang yang terus menerus meminta-minta kepada orang ramai, sehingga nantinya ia akan datang pada hari

Kiamat dengan wajahnya yang hanya tinggal tulang, tidak ada lagi daging padanya.

Ahli jemaah sekalian,

Walaupun pada dasarnya perbuatan meminta-minta itu dilarang oleh agama, namun jika timbul sesuatu darurat atau keadaan terpaksa, maka ia menjadi harus. Adapun yang dimaksudkan dengan keadaan terpaksa atau darurat ialah seperti orang yang lapar meminta makanan untuk mengisi perutnya kerana dia bimbang kalau tidak makan dengan segera, mungkin dia akan jatuh sakit atau mati. Begitu juga orang yang tidak mempunyai sebarang pakaian, terpaksa meminta pakaian bagi menutup auratnya. Hal-hal seperti ini mengharuskan seseorang itu meminta kepada orang lain, selama mana si peminta itu tidak berkuasa atau mampu membuat sebarang pekerjaan untuk menyara keperluannya.

Akan tetapi jika dia berupaya untuk bekerja tetapi dia malas atau tidak mahu berusaha, maka tidaklah diharuskan ia meminta-minta daripada orang lain.

Ingatlah pesan Rasullullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bahawa orang yang bekerja mencari rezeki itu walaupun hasilnya hanya sedikit, itu adalah lebih baik dari perbuatan meminta-minta. Sebagaimana sebuah hadits dari Zubair bin al-Awwam *Radhiallahu 'anhu*, dari Nabi *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, baginda bersabda maksudnya:

Sekiranya salah seorang dari kamu membawa tali lalu pergi ke bukit untuk mencari kayu, kemudian ia pikul kayu tersebut ke pasar untuk menjualnya demi menjaga kehormatannya, nescaya yang demikian itu adalah lebih baik daripada meminta-minta kepada orang lain, baik diberi maupun ditolak.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita sebagai umat Islam hendaklah mengelakkan diri daripada perbuatan meminta-minta. Sesungguhnya perbuatan meminta-minta tanpa sebab yang mengharuskannya itu hanya menjatuhkan maruahnya dan menjelaskan imej dirinya. Malahan perbuatan meminta-minta hanya akan mencerminkan sikap yang tinggi dalam masyarakat iaitu sentiasa bergantung kepada ihsan dan bantuan orang ramai atau pihak tertentu. Sebagai umat Islam, kita hendaklah rajin berusaha dan bersungguh-sungguh mencari rezeki yang halal serta sentiasa bersyukur, sabar dan redha dengan apa jua kurnia dan pemberian Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sama-sama lah kita berdoa mudah-mudahan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memurahkan dan memperbanyakkan rezeki ke atas kita semua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Sabaa' ayat 39:

فَلْ إِنْ رَبِّيْ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ
وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا آنْفَقَتْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ بِخَلْفَهُ
وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ


(39)

Mafhumnya:

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya), dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."



**Ingatlah pesan
Rasullullah Shallallahu
'alaihi wa sallam
bahawa orang yang
bekerja mencari rezeki
itu walaupun hasilnya
hanya sedikit, itu
adalah lebih baik dari
perbuatan meminta-
minta.**



Al-Qur'an

BERBICARA MENGENAI KEMISKINAN

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلصَّابِلِ وَالْمُحْرُومِ ﴿١٩﴾

Mafhumnya: *Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).*

(Surah adz-Dzaariyat: 19)

Kemiskinan merupakan realiti kehidupan yang sekali gus sebagai dilema yang dihadapi oleh segelintir masyarakat. Isu ini tidak akan hilang dari perbincangan pihak-pihak berkenaan. Kemiskinan merupakan suatu keadaan yang sangat tidak diharapkan oleh sesiapa pun walau di mana individu itu berada. Di dalam al-Qur'an juga telah memberikan isyarat bahawa keadaan miskin seharusnya diminimalkan dan manusia disarankan agar bekerja keras untuk menghilangkan keadaan tersebut agar mereka berada dalam situasi berkecukupan dan berlebihan seperti mana penceritaan dalam surah al-Jumu'ah, ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّالَوَةُ فَأَنْتَشِرُ وَفِي الْأَرْضِ
وَابْنُؤُمَنٍ فَضْلُ اللَّهِ وَذِكْرُ اللَّهِ كَثِيرٌ الْعَلَمُونَ
تُفْلِحُونَ

Mafhumnya:

Maka apabila sembahyang telah disempurnakan maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah (apa yang kamu hajati) daripada limpah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kemenangan.

Al-Qur'an telah memberikan pesanan menyeluruh kepada umat Islam mengenai hal kemiskinan ini dalam beberapa ayat yang penting. Keadaan ini sekali gus memberikan perhatian kepada golongan miskin yang kurang kemampuan agar mereka tidak diabaikan, sekiranya mereka diabaikan dengan tidak memberikan makan, dalam surah al-Muddatstsir ayat 42-44 ada menceritakan.

مَاسَلَكُوكُمْ فِي سَقَرٍ ٤٢ قَالُوا مَنْكُمْ مِنَ الْمُصَلَّيِنَ ٤٣
وَلَمْ نَكُنْ نُطْعِمُ الْمُسْكِينَ ٤٤

Mafhumnya:

(Mereka berkata:) "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka Saqr?" Orang-orang berdosa itu berkata: "Kami tidak termasuk dalam golongan yang

mendirikan sembahyang. Dan kami tidak memberi makan orang miskin."

Ayat tersebut menjelaskan salah satu penyebab umat Islam dicampakkan ke neraka adalah kerana pengabaian pada orang miskin dengan tidak memberi mereka makan. Adapun agama Islam mengajar umatnya agar bersikap pemedulian sesama Islam dan membantu antara satu dengan yang lain iaitu hubungan persaudaraan di dalam Islam, janganlah mereka membiarkan saudara-saudara mereka dalam situasi yang serba kekurangan. Bahkan, pada ayat lain ada juga disebutkan bahawa orang yang tidak menggalakkan memberi makan kepada orang-orang miskin, maka mereka termasuk dalam kelompok para pendusta agama seperti penceritaan dalam surah al-Maa'uun, ayat 1-3:

أَرَءَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْلَّيْلِينَ ١ فَذَلِكَ
الَّذِي يَدْعُ أَلْيَتِيمَ ٢ وَلَا يَحْصُلُ عَلَى
طَعَامَ الْمُسَكِّينِ ٣

Mafhumnya:

Tahukah engkau orang yang mendustakan agama? Maka itulah orang yang berlaku zalim kepada anak yatim. Dan dia tidak menggalakkan memberi makan orang miskin.

Kita sewajarnya telah mengetahui bahawa ada hak orang lain dalam setiap harta yang kita miliki. Sekiranya kita menginfakkan harta untuk golongan miskin dan kurang kemampuan ini bukanlah dianggap sebagai pemberian melainkan adalah hak mereka sepetimana yang telah dinyatakan dalam surah adz-Dzaariyat ayat 19. Wajarlah kita menyerahkan kepada yang hak di dalam harta yang kita miliki tersebut kerana mungkin orang-orang golongan tersebut malu dan segan untuk meminta sedangkan hak mereka masih tertahan pada kita. Janganlah kita bersifat bakhil atas harta yang kita miliki dan janganlah kita membina jurang pemisah di antara kita dengan golongan berkenaan yang akan mendatangkan penyesalan di kemudian hari.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah Aali-'Imraan ayat 180:

وَلَا يَحْسِنُ الَّذِينَ يَعْجِلُونَ بِمَا آتَاهُمْ
أَلَّا هُوَ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرُ الْهُمَّ بَلْ هُوَ شَرُّهُمْ
سَيُظْهَرُونَ مَا بَخَلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَهُ
مِيرَاثُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَهُ مَا تَعْمَلُونَ
خَيْرٌ

١٨٠

Mafhumnya:

Dan janganlah sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan apa yang

telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kurnia kemurahannya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikelungkan dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari Kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jualah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.

Selain sifat pemedulian kita pada mereka, zakat juga salah satu cara untuk mengatasi kemiskinan. Harta zakat yang dikumpulkan itu akan diagihkan kepada semua golongan yang tepat dan layak. Dengan cara ini juga dapat membendung dan mengawal kemiskinan dari berterusan. Selain itu, cara ini akan dapat menjalankan hubungan silaturrahim berterusan di antara pemberi dan penerima zakat khususnya golongan miskin yang kurang mampu. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menegaskan di dalam al-Qur'an agar kita berterusan membantu orang-orang miskin dan mengeluarkan zakat adalah salah satu cara untuk membersihkan harta kita juga. Zakat bukan sekadar

kewajiban yang dikeluarkan oleh umat Islam, tetapi hikmah setelah menunaikan zakat adalah agar kita terhindar dari sifat kedekut, tamak, dan agar terbiasa membantu orang lain. Kewajipan berzakat ini adalah ibadah yang bersifat kebajikan kepada masyarakat. Perintah zakat membuktikan keprihatinan Islam dalam membantu kelompok yang tersepit seperti fakir, miskin dan orang yang berhutang.

Mebelanjakan harta di jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah sangat dianjurkan. Segera bersihkan harta kita dengan zakat dan tunaikan kewajipan kita untuk berkongsi sama dengan golongan miskin. Jangan menunda kebaikan, sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan memberikan balasan dengan yang lebih baik kelak.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam surah al-Munaafiquun ayat 10:


وَنَفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ
أَحَدٌ كُمْ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخْرَجْتَنِي
إِلَى أَجَلِ قَرِيبٍ فَأَصَدِّقَ وَكُنْ مِنْ
الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾

Mafhumnya:

Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu sebelum kematian datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata, "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang shalih."



Miskin Bukan Alasan Untuk Meminta-minta



لодайме
неудачники

يَعْقُفُ. وَاقْرُءُوا إِنْ شِئْتُمْ: يَعْنِي قَوْلُهُ: لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلَّا حَافًا (البقرة: 273)

I mam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata; Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

لَيْسَ الْمُسْكِينُ الَّذِي تَرْدُهُ التَّمْرَةُ وَالثَّمْرَاتُ، وَلَا اللُّقْمَةُ وَاللُّقْمَاتُانِ، إِنَّمَا الْمُسْكِينُ الَّذِي يَتَعَقَّفُ. وَاقْرُءُوا إِنْ شِئْتُمْ: يَعْنِي قَوْلُهُ: لَا يَسْأَلُونَ النَّاسَ إِلَّا حَافًا (البقرة: 273)

Maksudnya:

"Orang yang miskin bukanlah orang yang merasa telah cukup dengan satu atau dua biji buah kurma, atau sesuap atau dua suap makanan. Tetapi orang

miskin adalah orang yang tidak meminta-minta dan menunjukkan kemiskinannya kepada orang lain. Jika kamu mahu, bacalah firman Allah: "Mereka tidak meminta-minta kepada orang lain." (Al-Baqarah: 273).

Islam melarang dan mencegah umatnya daripada perbuatan meminta-minta. Walaupun seseorang itu ditakdirkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk menjadi orang miskin atau fakir, namun mereka tetap tidak digalakkan untuk meminta-minta. Ini berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada 'Imran bin Hushain ia berkata: Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* melarang umatnya meminta-minta sebagaimana baginda bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ عَبْدَهُ الْمُؤْمِنَ الْفَقِيرَ الْمُتَعَفِّفَ
أَبَا الْعِيَالِ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyayangi hamba-Nya yang beriman yang miskin yang tidak suka meminta-minta sedangkan dia mempunyai anak yang ramai.

Kita perlu berusaha dan menjauhi sikap meminta-minta tanpa melakukan sebarang pekerjaan. Perbuatan meminta-minta dan mengharapkan pertolongan dan

belas ihsan dari orang lain semata-mata boleh merendahkan harga diri seseorang. Melakukan apa saja jenis pekerjaan tidak kira perkerjaan yang dipandang tinggi ataupun rendah demi untuk mencari rezeki yang halal adalah lebih baik daripada meminta-minta sepertimana Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Zubair bin al-'Awwam *Radhiyallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبَلَةً فَيَأْتِيَ بِحُزْمَةٍ
الْحَطَبِ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَسْعِهَا، فَيَكُفَّ اللَّهُ عَنْهَا
وَجْهَهُ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ، أَعْطَوْهُ
أَوْ مَنْعُوهُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya seseorang daripada kamu membawa seutas tali dan pergi ke bukit lalu pulang dengan membawa seikat kayu di atas belakangnya. Kemudian kayu itu dijualnya, maka Allah akan memelihara kehormatannya, dan pekerjaan itu lebih baik baginya daripada ia meminta-minta kepada manusia sama ada diberi atau tidak.

Dalam satu hadits diceritakan oleh Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya, daripada Anas bin Malik, bahawa datang seorang sahabat daripada kaum Anshar kepada

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan tujuan hendak meminta bantuan. Maka ditanya oleh baginda *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang bermaksud:

"Apakah tuan ada menyimpan sesuatu barang yang boleh dijual di rumah tuan?" Sahabat Anshar menjawab: *"Ya ada, sehelai kain cadar yang lebar, separuh daripadanya hamba pakai untuk selimut dan separuh lagi hamba bentangkan di rumah, selain itu hamba juga menyimpan sebuah mangkuk untuk hamba minum."* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda: *"Bawalah ke mari keduanya."* Setelah ia mengambil barang-barang tersebut, dan diserahkannya kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, maka segeralah baginda menawarkan

barang-barang tersebut kepada sahabat-sahabat yang hadir.

"Siapakah di antara kalian yang mahu membeli barang ini?" Seorang sahabat berkata: *"Saya akan membelinya satu dirham."* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* menawarkan kembali: *"Siapakah yang mahu membeli lebih dari satu dirham?"*

Maka seorang sahabat yang lain berkata: *"Saya beli keduanya dua dirham."* Setelah wang itu diterima Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, maka diserahkannya kepada sahabat Anshar tadi sambil bersabda: *"Satu dirham supaya kamu belikan makanan untuk keluargamu dan yang satu dirham supaya kamu pakai untuk membeli kapak dan bawa ke mari."* Setelah sahabat Anshar



itu membeli kapak dan dibawanya kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam*, maka baginda memasang kayu sebagai pegangan kapak tersebut sambil bersabda: "Pergilah mencari kayu dan juallah dan jangan datang ke mari selama 15 hari."

Maka sahabat Anshar itu menuruti perintah baginda dan penjualannya sudah mencapai sepuluh dirham untuk kegunaannya. Kemudian ia datang kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* untuk memberitahu tentang keadaannya, maka baginda bersabda: "Belilah makanan dengan separuh wangmu dan belilah pakaian dengan separuh yang lain." Kemudian baginda bersabda: "Ini lebih baik bagimu daripada kamu datang dan meminta-minta. Pada hari Kiamat kelak meminta-minta akan menjadi titik hitam di wajahmu," (akibat perbuatan meminta-minta dan mengemis).

Berdasarkan hadits-hadits di atas jelaslah bahawa Islam sama sekali tidak menggalakkan umatnya untuk meminta-minta. Islam mengajar kita untuk berusaha bersungguh-sungguh supaya kita hidup berdikari dengan tidak bergantung hidup serta meminta-minta pertolongan orang lain. Al-Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*,

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda:

لَأَنْ يَعْدُو أَحَدُكُمْ فِي حَطَبٍ عَلَى ظَهْرِهِ
فَيَتَصَدَّقُ بِهِ وَيَسْتَغْنِيَ بِهِ مِنَ النَّاسِ خَيْرُهُ
إِنْ أَنْ يَسْأَلَ رَجُلًا أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ ذَلِكَ
فَإِنَّ الْيَدَ الْعُلِيَّا أَفْضَلُ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى
وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ.

Maksudnya:

"Salah seorang daripada kamu yang keluar pada waktu pagi lalu memikul kayu di atas belakangnya untuk dijual, lalu dia mengeluarkan sedekah sebahagian daripada jualan kayu dan dengan (baki wang) itu dapat mencukupkan dirinya sehingga dia tidak perlu meminta kepada orang lain, adalah lebih baik baginya daripada meminta kepada seseorang (yang tidak pasti) diberi ataupun ditolak. Demikian itu, tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Mulai dengan orang-orang yang ada dalam tanggunganmu."

Islam agama yang memuliakan martabat manusia dengan mengecam amalan meminta-minta. Bahkan Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan gambaran bahawa amalan bersedekah adalah digalakkan kepada golongan yang tidak bermalas-malasan dan

meminta-minta dengan cara yang memalukan sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 273:

لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُخْصِرُوا فِي سَيِّلِ اللَّهِ
 لَا يَسْتَطِعُونَ ضَرَبًا فِي الْأَرْضِ
 يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ
 النَّعْفِ تَرْفِهُمْ بِسِيمَاهُمْ لَا يَسْئَلُونَ
 إِنَّ اللَّهَ إِلَّا حَافِظٌ وَمَا نَفْعُولُ مِنْ خَيْرٍ
 فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلَيْمٌ ﴿٢٧٣﴾

Mafhumnya:

(Sedekah itu) adalah bagi orang-orang fakir yang telah mengikat

diri mereka untuk berjihad pada jalan Allah, mereka tidak dapat mencari rezeki di muka bumi (seperti menjalankan perniagaan dan sebagainya kerana kesibukan mereka berjuang mempertahankan agama Allah). Orang-orang yang tidak mengetahui (hal keadaan mereka) menyangka mereka itu orang-orang kaya kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau dapat mengenal mereka daripada sifat-sifat dan keadaan mereka. Mereka itu juga tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan apa jua harta yang kamu belanjakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.





Daa

Agar Terhindar Dari Sifat Malas

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* biasa berdoa dengan ucapan doa ini agar terhindar dari sifat malas:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسْلِ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبةِ الْكَدْنِ وَقَهْرِ الْرِّجَالِ

Maksudnya:

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari kesedihan dan dukacita, aku berlindung dengan-Mu dari lemah dan malas, aku berlindung dengan-Mu dari rasa takut dan bakhil, dan aku berlindung dengan-Mu dari lilitan hutang dan kekuatan (kejahatan) manusia."

PROPAZ

Membantu Asnaf Membasmi Kemiskinan

Rakinah @ Maimunah Binti Haji Masri
Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

ABSTRAK

Melalui zakat, hak orang miskin, orang miskin dijunjung dan ditolong. Oleh itu, selain daripada zakat yang bersifat konsumtif, ia juga diaktifkan melalui zakat yang produktif iaitu menambah atau sebagai modal teroka. Majlis Ugama Islam sebagai pengurus zakat Negara Brunei Darussalam telah berusaha mempelbagaikan langkah-langkah bantuan untuk membantu golongan asnaf yang memerlukan terutama golongan miskin. Selain mengagihkan dana zakat secara habis-habisan, MUIB juga mengadakan program baru sebagai kaedah pengedaran produktif yang disebut PROPAZ. PROPAZ diperkenalkan sebagai sebahagian daripada kaedah pengagihan yang diharapkan untuk mengurangkan kemiskinan di Negara Brunei Darussalam. Penelitian ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana Program Pemberdayaan Zakat Asnaf (PROPAZ) dapat membantu asnaf dalam membasmi kemiskinan. Di samping memperkenalkan lebih banyak mengenai tujuan program serta jenis aktiviti yang ditawarkan untuk membantu para peserta. Penelitian ini adalah berbentuk kualitatif, yang mengutamakan kepada proses dan persepsi yang dilakukan serta mengungkap pelbagai maklumat dengan mendeskripsi dan menganalisis. Hasil penelitian menunjukkan bahawa program ini memperlihatkan perlbagai hasil kejayaan dari tahun ke setahun sehingga kini. PROPAZ mampu bergerak lebih maju dan menghasilkan peserta yang berkemahiran serta mampu mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

PENDAHULUAN

Kemiskinan merupakan masalah besar yang wujud sejak sekian lama dan mempunyai implikasi besar dalam kehidupan. Islam memberikan penekanan yang besar untuk membebaskan orang miskin dan kaum yang lemah dari kepompong kemiskinan. Hakikatnya, Islam juga merupakan agama yang pertama memperkenalkan serta mempraktikkan sistem perpaduan, kesejahteraan dan keseimbangan masyarakat secara praktikal apabila mewajibkan harta yang cukup haul dan nisab untuk dikeluarkan zakat. Perkara ini membawa maksud bahawa harta yang terkumpul melalui zakat adalah bertujuan untuk mencapai kesejahteraan ummah. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah an-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَلَحًا مِنْ ذَكْرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَلَنْ تُحِينَهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنْ يُنْجِزَنَّهُ أَجْرُهُمْ
إِلَّا سَيِّئَاتٍ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ
٩٧

Mafhumnya:

Sesiapa yang mengerjakan amalan yang salih sama ada laki-laki atau perempuan sedang dia orang yang beriman maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan.

Allah Subhanahu wa Ta'ala juga berfirman dalam surah Quraisy ayat 3-4:

فَلَيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتُ ۚ الَّذِي
أَطْعَمَهُمْ مِنْ حَوْفٍ ۝

Mafhumnya:

Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Pemilik Rumah ini (Kaabah), Tuhan Yang memberi mereka makan untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka daripada ketakutan.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala, yang disebutkan di atas menerangkan mengenai beberapa ciri kesejahteraan ummah. Dr Abdul Nasir, menjelaskan bahawa kesejahteraan bermaksud membantu meningkatkan taraf hidup yang lebih baik, mencapai kemenangan dan kejayaan, memberi kesenangan dan mengurangkan penderitaan, memperoleh keberkatan dan kemakmuran, menjaga iklim cinta dan kasih sayang serta menghilangkan rasa lapar dan ketakutan.

Kesejahteraan boleh dicapai melalui zakat sekiranya masyarakat Islam mengamalkan dan mematuhi sistem Islam. Oleh itu, masalah kemiskinan akan dapat diselesaikan dengan berkesan. Zakat mempunyai peranan besar dalam masyarakat Islam yang merangkumi pelbagai aspek seperti ekonomi, sosial, perundangan, pendidikan dan sebagainya. Mohamed Yussoff, menjelaskan bahawa zakat memberi kesan positif dalam pertumbuhan ekonomi yang berfungsi sebagai salah satu alat fiskal ekonomi

yang berkesan. Perkara ini dipersetujui oleh ahli ekonomi bahawa zakat adalah sumber utama untuk menjaga kebijakan dalam pertumbuhan serta pembangunan ekonomi sesebuah negara. Zakat wajib diagihkan kepada golongan tertentu yang memerlukan, sebagaimana telah dinyatakan dalam al-Qur'an iaitu kepada lapan golongan yang memenuhi syarat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat dengan serius mengenai masalah kemiskinan ini melalui titah-titah baginda, antaranya:

“... Semenjak negara mencapai kemerdekaannya, pendapatan per kapita penduduk adalah memberangsangkan. Sepuluh tahun selepas merdeka ianya terus meningkat. Ini tidak diragukan lagi, dengan sendirinya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.... ... Bertolak dari sini, sepatutnya, kadar kemiskinan dengan sendirinya adalah menurun. Maka berdasarkan ini, apakah tidak terlintas diingatan kita untuk menetapkan salah satu matlamat wawasan ialah, untuk menjadikan kadar kemiskinan di negara ini ke tahap sifar? ...”

“Dari sudut ugama, manakala terdapat keadaan yang menggalakkan, maka kemiskinan dikalangan umat Islam

tidaklah sukar untuk diatasi. Pada hari ini kita bercakap mengenai hijrah, dan sekiranya umat Islam berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan, maka bermakna inilah hijrah yang paling bersejarah untuk mereka.”

Baginda juga bertitah:

“... Masalah kemasyarakatan yang sering disebut-sebut, khasnya oleh media-media massa ialah masalah kemiskinan. Agensi-agensi yang berkaitan telah turut menangani masalah ini dengan program-program mereka yang bermacam-macam, dengan fokus yang sama, iaitu mahu meringankan beban kemiskinan tersebut. Pada hemat beta, masalah kemiskinan di negara ini belumlah separah di tempat-tempat lain di luar negara. Ia mungkin dapat dikendalikan dengan lebih efektif melalui kaedah-kaedah praktikal yang bersesuaian dengan keadaan di negara ini. Cuma saja barangkali, kita ini belum lagi menemukan atau belum mahu mencuba kaedah-kaedah tersebut...”

Negara Brunei Darussalam bersama agensi kerajaan, swasta dan NGO berusaha untuk membasmi kemiskinan untuk memperkuuhkan kemampuan masyarakat untuk berdikari dan kemudian menjana kehidupan yang lebih baik. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan negara melalui pelbagai bentuk bantuan dan sesuai dengan keadaan semasa.

Majlis Ugama Islam melalui Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat telah menetapkan kaedah-kaedah pengagihan zakat sebagai pentadbir zakat di Negara Brunei Darussalam. Kaedah pengagihan zakat yang ditetapkan adalah seperti pengagihan dalam bentuk tunai dan pengagihan dalam bentuk material. Selain itu, Majlis ugama Islam telah mengambil inisiatif dengan memperluaskan lagi kaedah pengagihan zakat kepada pengagihan secara produktif yang dikenali sebagai Program Pengupayaan Asnaf Zakat atau PROPAZ. Program ini adalah kerjasama yang melibatkan Majlis Ugama Islam bersama agensi kerajaan, swasta dan juga NGO.

OBJKTIF

Zakat dapat memenuhi keperluan orang yang memerlukan, mengurangkan jurang ekonomi dan jumlah masalah sosial serta mengekalkan daya beli masyarakat untuk mengekalkan sektor perniagaan. Pada masa yang sama dapat meningkatkan taraf hidup orang yang masih berada di bawah garis kemiskinan. Dana zakat boleh digunakan untuk tujuan penggunaan dan produktif. Pengurus zakat perlu memperbaiki atau meningkatkan peranan mereka terutama dalam penggunaan dan pengagihan zakat. Majlis Agama Islam telah memperkenalkan dan melaksanakan kaedah pengagihan zakat kepada pengagihan produktif

yang dikenali sebagai Program Pengupayaan Asnaf Zakat atau PROPAZ. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana Program Pemberdayaan Zakat Asnaf (PROPAZ) dapat membantu asnaf dalam membasi kemiskinan. Di samping memperkenalkan lebih banyak mengenai tujuan program serta jenis aktiviti yang ditawarkan untuk membantu para peserta. Kajian ini juga menyelitkan mengenai cara Majlis Ugama Islam Brunei menentukan garis pandu asnaf yang memerlukan bantuan, ini adalah kerana Negara Brunei Darussalam belum mempunyai garis kemiskinan.

Negara Brunei Darussalam belum mempunyai garis kemiskinan yang rasmi '*official poverty line*'. Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Mohd. Kassim berpendapat bahawa data mengenai tahap kemiskinan di negara ini kurang '*reliable*' (diperayai) kerana hanya berdasarkan kepada bilangan mereka yang menerima bantuan kerajaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah membuat kajian serta laporan yang dikenali sebagai Kos Minimum Keperluan Asas (KMKA) yang mana boleh digunakan sebagai sumber bahan rujukan serta garis panduan Majlis Ugama Islam. Walaubagaimanapun, Kos Minimum Keperluan Asas (KMKA) bukan garis kemiskinan yang rasmi bagi Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah:

"Pada hemat beta, masalah kemiskinan di negara ini belumlah separah di tempat-tempat lain di luar negara. Ia mungkin dapat dikendalikan dengan lebih efektif melalui kaedah-kaedah praktikal yang bersesuaian dengan keadaan di negara ini..."

Majlis Ugama Islam adalah salah sebuah pertubuhan yang tertinggi di Negara Brunei Darussalam yang merupakan pembuat dasar untuk menentukan hala tuju pentadbiran Ugama Islam negara. Pengurusan zakat di Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan hukum Syariat Islam dan diagihkan kepada orang yang berhak seperti yang disebutkan di dalam al-Qur'an. Disebabkan Negara Brunei Darussalam belum mempunyai garis kemiskinan yang rasmi hanya KMKA digunakan untuk rujukan dalam pengagihan zakat, Majlis Ugama Islam Brunei secara amnya menetapkan bahawa agihan-agihan zakat yang diberikan merangkumi tiga objektif iaitu Keselamatan Sosial, Pembangunan Ekonomi dan Pembangunan Insan.

Berperanan sebagai pengurus zakat negara, Majlis Ugama Islam telah menyenaraikan beberapa faktor / ciri / keadaan asnaf fakir dan miskin yang dibolehkan menerima agihan zakat antaranya seperti berikut:

- i) Tidak ada pendapatan, pendapatan tidak mencukupi dan tanggungan ramai.
- ii) Umur yang sudah lanjut, tidak mampu berusaha dan tidak ada yang menanggung nafkahnya.
- iii) Sakit atau cacat, tidak mampu berusaha dan tidak ada sesiapa yang diharapkan untuk membantu.
- iv) Balu, tidak ada sesiapa yang diharapkan untuk menyara kehidupannya dan keluarganya.
- v) Wanita yang ditinggalkan suami tanpa nafkah, suami dipenjara kerana kes jenayah dan dadah.
- vi) Bersara dan tidak ada lagi pendapatan.

Jabatan Majlis Ugama Islam telah berusaha merancang, merekabentuk dan menjalankan pelbagai program dalam menangani golongan miskin untuk meningkatkan kemampuan golongan ini sehingga status ekonomi mereka dari segi ekonomi ke tahap yang lebih baik serta mengeluarkan mereka dari kemiskinan. Program bantuan pendayaan diri antara usaha yang dilakukan adalah memberikan bantuan produktif sebagai kaedah untuk membantu mendayakan asnaf yang miskin dan memerlukan dengan mendorong mereka untuk berdikari

dan berusaha. Bantuan pendayaan diri tersebut adalah dalam bentuk pelaburan jangka panjang bagi setiap peserta, antara lain:

- i) Bantuan Kewangan Sekolah: Bantuan ini dalam bentuk pelaburan jangka panjang dan dapat menjamin masa depan individu untuk mendapatkan pekerjaan. Bantuan ini memastikan bahawa anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang sama seperti anak-anak dari keluarga lain untuk mengelakkan tidak bersekolah kerana kesempitan hidup keluarga.
- ii) Bantuan Biasiswa: Iaitu pelaburan jangka panjang yang berkaitan dengan urusan pendidikan seperti pembayaran yuran sekolah, kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, yuran kursus, yuran peperiksaan.
- iii) Bantuan Modal: Iaitu bantuan pembelian peralatan perniagaan yang dijalankan. Sebagai contoh; mesin jahit, alat pertanian, peralatan menangkap ikan, kapal, kenderaan dan sebagainya. Bantuan ini diberikan kepada pemohon yang berminat untuk memulakan dan memulakan perniagaan, supaya mereka dapat berdikari dan pada masa yang sama membantu meningkatkan ekonomi keluarga.
- iv) Program Latihan, Kemahiran dan Bimbingan: Pada tahun 2007, program pemberdayaan

diperkenalkan sebagai Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ). Program produktif ini dilaksanakan dengan peruntukan dana zakat dan berorientasikan ke arah pemerolehan kemahiran pengetahuan melalui latihan dan bimbingan khusus untuk asnaf fakir.

PROGRAM PENGUPAYAAN ASNAF ZAKAT (PROPAZ)

Dalam usaha menangani masalah kemiskinan dan pembangunan manusia di kalangan asnaf zakat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Majlis Ugama Islam telah membuat kesepakatan untuk turut sama mengadakan inisiatif sama ada untuk menyalurkan bantuan yang berbentuk material untuk sara diri fakir miskin mahupun yang berupa program-program produktif untuk mengupayakan diri asnaf. Selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebagai ketua ugama Islam di negara ini baginda mahukan rakyat mempunyai kehidupan yang seimbang dan berkualiti selaras dengan Wawasan Negara 2035.

PROPAZ ditadbir di bawah Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam dan dikendalikan oleh Urusetia. Peserta sasaran bagi program ini ialah penerima bantuan

wang zakat dari asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dan berkelayakan. Ini termasuk penerima bantuan sendiri, tanggungan penerima (isteri dan anak-anak) dan anak-anak di bawah jagaan penerima. Umur kelayakan peserta adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 45 tahun.

Program pengupayaan dilaksanakan ini sangat tertumpu kepada tiga aspek utama iaitu; pembangunan sosial, keugamaan dan ekonomi. Objektif program ini diadakan adalah untuk mengubah pemikiran peserta ke arah meningkatkan taraf hidup yang lebih baik. Program ini juga ingin melahirkan belia-belia yang berkemahiran teknikal dan juga vokasional. Dengan kemahiran yang ada dapat memberikan peluang pekerjaan yang lebih cerah malah dapat mewujudkan usahawan kecil dan sederhana.

Jenis-jenis program pengupayaan yang dilaksanakan di bawah PROPAZ:

i) **PROPAZ Pusat Pembangunan Belia (PBB)**

Program ini lebih menjurus untuk memperoleh pengetahuan kemahiran melalui latihan teknikal dan vokasional serta bimbingan pembangunan diri seperti Kursus Latihan Kemahiran Masakan dan Katering dan Pembuatan Kek dan Pastri, Latihan Kemahiran *Plumbing/Pipe Fitting* dan *Air Conditioning/Refrigeration*, Latihan Kemahiran Komputer dan Pengendalian Pejabat, Kemahiran Solekan/Dandanan Rambut, Latihan Kemahiran Sulaman atau Jahitan Asas, Latihan Kemahiran *Welding/Vehicle Body Repair* dan sebagainya. Program dilaksanakan selama 9 bulan, iaitu latihan kemahiran selama 6 bulan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan menjalani latihan selama 3 bulan di Syarikat Swasta. Taraf latihan di Pusat Pembangunan Belia adalah di peringkat Persijilan City & Guilds.

ii) **PROPAZ Perantis**

Program Perantis merupakan salah satu cabang program pengupayaan untuk membantu golongan fakir dan miskin meningkatkan taraf hidup mereka dengan mendapatkan latihan dan kemahiran melalui pelbagai bidang pekerjaan bersesuaian dengan keperluan pasaran. Program 2 tahun ini mendedahkan dan membimbing para peserta mengenai asas-asas kerja, kefahaman berhubung budaya dan etika kerja melalui latihan kemahiran dan penempatan-penempatan kerja (*apprentice*) di syarikat-syarikat swasta. Penempatan kerja ini dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan wang zakat, manakala dalam tempoh percubaan bekerja, bayaran gajinya akan dikongsi sama melalui peruntukan wang zakat dan syarikat.

iii) PROPAZ Keusahawanan

Program ini khusus bagi lepasan mana-mana peserta program PPB (Pusat Pembangunan Belia) atau Perantis yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk menjalankan perusahaan. Sumber modal adalah melalui zakat Majlis Ugama Islam mengikut kesesuaian yang selayaknya, sekurang-kurangnya membantu para peniaga yang telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Program ini merupakan kerjasama dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

iv) PROPAZ Pembangunan Diri

Program pembangunan diri ini lebih menjurus kepada memberikan motivasi, kursus-kursus pembangunan diri kepada golongan fakir miskin bagi meningkatkan kesedaran untuk mengubah taraf kehidupan, berdaya tahan, sentiasa berusaha, ke arah menuju kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti seminar, bengkel, halaqah dan sebagainya.

v) Program-Program Sokongan

Penubuhan Koperasi Pengupayaan Kementerian Hal Ehwal Ugama Berhad (KOPA KHEUB) di mana tujuan koperasi ini ditubuhkan antaranya adalah sebagai agensi

utama untuk membantu lepasan PROPAZ dan menjadi saluran untuk mereka memajukan perniagaan dan perusahaan, atau menjadi tenaga kerja di dalam koperasi.

vi) Program Az-Zira'ah (Agripreneur)

Program yang baru dimulakan iaitu skim pengupayaan asnaf zakat menerusi latihan kemahiran pertanian. Program selama 15 bulan ini bertujuan untuk membantu penerima zakat untuk memperbaiki kehidupan mereka dengan menyediakan latihan kemahiran, pembangunan diri supaya mereka dapat menjana pendapatan bagi diri mereka dan tanggungan mereka. Jabatan Pertanian telah memberikan sebidang tanah di Mukim Kilanas bagi peserta PROPAZ Az-Zira'ah menjalani latihan kemahiran menanam lada, jagung manis dan sayur-sayur jenis kobis. Selain belajar menanam, mereka juga didedahkan dengan ilmu pemasaran produk masing-masing.

vii) Agenda Pembangunan Sosio-ekonomi untuk Golongan Tidak Berkemampuan

Ini merupakan salah satu usaha berterusan yang sangat memerlukan kerjasama semua pihak termasuk kerajaan atau swasta serta Badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan program yang dirancang berjaya dilaksanakan.

Penglibatan melalui kerjasama yang diadakan dapat menanai hasrat kerajaan untuk mencapai kehidupan rakyat yang sejahtera dan harmoni. Melalui peluang yang diberikan, dapat membentuk serta menghasilkan asnaf zakat yang terlatih, berkeyakinan dan berilmu pengetahuan selaras dengan kemajuan industri asing dan seterusnya akan keluar daripada lingkaran kemiskinan. Kejayaan peserta-peserta nanti akan menjadi ikon kepada asnaf zakat yang lain agar mereka terus berdaya saing dalam memajukan diri untuk memastikan kehidupan yang stabil dan sejahtera.

KEBERKESANAN PROPAZ DALAM MEMBANTU ASNAF ZAKAT

Kemiskinan merupakan fenomena global termasuk di kalangan negara maju. Negara Brunei Darussalam, walaupun jumlah golongan miskin agak kecil, namun tidak patut dibiarkan sahaja. Usaha pembasmian kemiskinan dalam masyarakat Brunei melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) telah menampakkan kesan yang positif untuk membawa keluar golongan miskin daripada cengkaman dan lingkaran yang menghalang mereka daripada menikmati kesejahteraan hidup. Amat membanggakan apabila para peserta yang mengikuti PROPAZ ini memiliki tahap pengetahuan dan kemahiran yang melayakkan mereka untuk mendapat pekerjaan di sektor

swasta atau kerajaan. Malah ada yang sangat berkeyakinan untuk memulakan bisnes biar pun secara kecil-kecilan. Menepati pepatah ‘sikit-sikit lama-lama menjadi bukit’, bisnes amat sesuai bagi mereka untuk berusaha sendiri mengubah kehidupan.

Sepanjang program PROPAZ ini dijalankan bermula dari tahun 2008-2013 dari sesi pertama hingga sesi keenam, beberapa pencapaian telah dicapai seperti berikut:

- i) Bagi program PROPAZ PPB (Pusat Pembangunan Belia), jumlah peserta pada awal program ini dijalankan, iaitu pada tahun 2008 terdapat 18 orang peserta, tahun 2009 seramai 25 orang peserta, tahun 2010 seramai 40 orang peserta, tahun 2011 seramai 29 orang peserta, 2012 seramai 14 orang peserta dan tahun 2013 seramai 21 orang peserta. Sepanjang tempoh tersebut sebanyak 75.5 peratus telah berjaya menamatkan kursus dan bekerja di jabatan kerajaan atau sektor swasta dan berniaga.
- ii) Program PROPAZ-PERANTIS: Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2012 dengan penyertaan seramai 55 peserta iaitu 32 orang pada sesi pengambilan pertama dan 23 orang pada sesi pengambilan kedua. 50.9 peratus telah berjaya dalam program ini dan telah mendapat tawaran pekerjaan dengan kerajaan atau bekerja di sektor swasta atau berniaga.

Menurut Mantan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, bahawa semenjak PROPAZ dikendalikan ia mampu memberikan kesan positif yang diukur melalui pencapaian baik dari para peserta lepasan program dan ini adalah satu peningkatan baik yang telah dicapai dari aspek kemahiran diri, keagamaan maupun ekonomi.

Menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata dalam ucapan mukadimah ketika membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-14 (2018) Majlis Mesyuarat Negara (MMN), bahawa terdapat tanda-tanda yang positif apabila sebilangan daripada peserta atau keluarga mereka perlahan-lahan berdikari untuk seterusnya terkeluar dari lingkaran kemiskinan atau daripada Asnaf Fakir Miskin itu. Ada yang dari kecil mengusahakan produk makanan secara kecil-kecilan bermula kemudian akhirnya meningkat sehingga menjadi sebagai pembekal (caterer). Mereka itu telah dijadikan contoh oleh KHEU dan telah dihantar ke luar negeri dalam satu seminar yang menghendaki untuk menunjukkan kejayaan Asnaf Fakir Miskin di Brunei sebagai contoh.

Bagi meningkatkan lagi kualiti hidup asnaf fakir dan miskin di Negara Brunei

Darussalam, program telah dilaksanakan oleh Majlis Ugama Islam Brunei ialah Program Az-Zira'ah Agripreneur. Az-Zira'ah adalah program yang memberi peluang kepada penerima zakat bersama keluarga mereka untuk belajar asas-asas dalam bidang pertanian dan bagaimana ia dapat menjana pendapatan dari kerja keras mereka sendiri.

Latihan diberikan bagi mereka yang masih belum bekerja dan masih belum memperoleh pendapatan serta mereka yang berminat untuk meneroka bidang pertanian dan komited dalam meningkatkan diri mereka untuk menjadi yang lebih baik. Program dilaksanakan di kawasan seluas 1.1 hektar di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC).

Di bawah program PROPAZ, para peserta akan menjalani beberapa latihan termasuk mempelajari konsep asas pertanian dengan mentor. Di bawah program ini, para peserta akan menjalani beberapa latihan termasuk yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mempelajari konsep asas pertanian dengan mentor yang dilantik, mewujudkan rangkaian perniagaan baik dengan sektor kerajaan dan swasta, belajar bagaimana untuk menjadi agripreneur yang berjaya dan mahir, untuk mengatasi masalah perniagaan melalui rangkaian sedia ada dan pada akhirnya mereka akan menjadi model peranan yang berjaya untuk program PROPAZ.

Untuk program ini, kedua-dua pertanian jenis hidroponik dan pertanian konvensional akan digunakan, manakala itu, sekretariat PROPAZ telah memutuskan bahawa program itu akan menggunakan pelbagai jenis penanaman sebagai modul utama mereka termasuk sayur-sayuran hijau, jagung, cili dan cendawan jenis tiram.

Program Az-Zira'ah ini dari awal pengendaliannya menunjukkan pelbagai kesan/hasil yang positif. Pada tahun 2017 hasil keseluruhan pengeluaran padi bagi salah satu kawasan pengusahaan ladang padi adalah sebanyak 1,069 tan metrik dengan nilai BND1.71 juta, manakala terdapat di kawasan perusahaan ladang padi yang lain mengeluarkan 387 tan metrik dengan nilai BND0.62 juta.

Salah sebuah perusahaan di bawah program ini yang mula memajukan ladang pada tahun 2000, melakukan aktiviti pertanian secara konvensional dan sistematik bagi mengeluarkan hasil tanaman sayur-sayuran yang tinggi. Ladang ini telah menghasilkan sebanyak 459 tan metrik dengan nilai BND1.36 juta pada tahun 2016 dan pada tahun 2017 mampu meningkatkan hasil sebanyak 496 tan metrik bernilai BND1.38 juta.

Terdapat perusahaan yang menanam sayur-sayuran menggunakan sistem Rumah Terlindung (*Green House*), Hidroponik dan sistem Bertingkat (*Vertical Farming*) yang telah mula

bergiat pada akhir tahun 2017 dan mula mengeluarkan hasil pada tahun 2018. Ladang ini menghasilkan sebanyak satu tan metrik sayur-sayuran yang bernilai BND6,093.

Selain dari kemajuan yang baik dari petanian penanaman, program dalam bidang penternakan juga turut menampakkan perkembangan yang positif dan progresif. Salah sebuah perusahaan PROPAZ pada asalnya hanya memiliki dua buah reban di awal penubuhannya pada 2014, kini memiliki sepuluh reban yang beroperasi sepenuhnya. Perusahaan ini menggunakan teknologi sistem reban ayam tertutup bagi reban yang berkapasiti 3,500 ekor ayam dan reban berkapasiti 20,000 hingga 23,000 ekor ayam setiap pusingan. Hasil dari pengeluaran ayam pedaging ini juga semakin tinggi dari tahun ke tahun.

Oleh itu, program agripreneur yang dinamik ini akan menjadi salah satu daripada inisiatif pembudayaan yang dilaksanakan mengikut keperluan semasa dan menggalakkan golongan asnaf untuk menjalankan perniagaan terutamanya dalam bidang pertanian.

Program PROPAZ ini juga diperkatakan ketika Majlis Mesyuarat Negara (MMN) iaitu Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Musim Permesyuaratan Ke-15 (2019) yang mana program ini menampakkan hasil yang sangat positif dan membina semangat para peserta yang terdiri dari beberapa asnaf.

Hasil yang boleh diperolehi dari tahun ke setahun menunjukkan bahawa program ini boleh bergerak dan berkembang lebih jauh. Dari penelitian hasil-hasil yang dicapai oleh para peserta asnaf PROPAZ sememangnya menunjukkan bahawa program ini boleh berjaya dan berkembang lebih jauh serta boleh menyuntik lebih lagi semangat para asnaf untuk belajar serta berupaya memahirkan diri kemudian boleh mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan. Meskipun program ini belum mampu memasukkan kesemua asnaf untuk menjadi peserta, namun sekurang-kurangnya ianya boleh mengurangkan dari jumlah asnaf yang memerlukan bantuan.

Apa yang diharapkan, wang zakat yang menjadi biaya latihan seumpama ini akan terus membawa hasil. Justeru itu, peserta-peserta akan dapat membebaskan diri mereka dari kemiskinan dengan mencebur ke bidang keusahawanan atau mendapat pekerjaan di mana-mana syarikat swasta atau pejabat-pejabat kerajaan.

PENUTUP

Terdapat lapan asnaf yang wajib dan berhak diberikan zakat dan mengembangkan zakat adalah langkah yang baik sebagai kaedah untuk mengoptimumkan zakat. Selain pengagihan harta zakat secara konsumtif, zakat dapat diagihkan secara produktif iaitu memberikan zakat kepada fakir miskin dalam bentuk modal

usaha, atau berbentuk alat-alat untuk usaha yang dapat mereka gunakan sebagai sumber mata pencarian.

Pendayagunaan harta zakat secara produktif dibenarkan dalam hukum Islam, usaha pengurus/pengelola dalam memanfaatkan hasil kutipan zakat kepada sasaran yang sesuai dengan syara', sistem pengagihan yang mempunyai faedah yang berkesan serta produktif dengan tujuan sosial ekonomi dari zakat. Pengurus / pengelola zakat perlulah jujur, pintar, amanah dalam menjalankan zakat serta mempunyai pengurusan yang baik dan profesional dalam menjayakan program yang dijalankan.

PROPAZ hanyalah pengendali yang membuka jalan, menyediakan latihan kemahiran praktikal untuk kepentingan setiap peserta dan menjadikannya kekuatan untuk menjalani kehidupan ke arah yang lebih baik. Oleh itu, penglibatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Urus Setia Program PROPAZ serta badan kerajaan lain, swasta dan NGO boleh menjadi model kepada program intervensi pembasmian kemiskinan supaya keluarga miskin tidak terus terperangkap dalam kitaran ganas kemiskinan. Jika ibu bapa, anak dan cucu dari keluarga miskin ini tidak dapat keluar dari belenggu kemiskinan, besar kemungkinan generasi akan datang akan terus berada dalam kedaifan.

Secara keseluruhan, objektif utama kajian ini adalah untuk melihat

keberkesanan program kaedah PROPAZ dalam mengurangkan kemiskinan di kalangan asnaf. Sesungguhnya program ini sangat berjaya, dari tahun ke tahun menunjukkan kemajuan yang positif. Peserta dari kumpulan asnaf nampaknya lebih berpendidikan, berkemahiran malah mempunyai masa depan yang cerah. Pada masa yang sama program ini dapat membantu meningkatkan ekonomi kemudian mengurangkan kemiskinan dan kemudian membasi ke sifar.

Walaupun pengagihannya tidak menjadikan mereka terutama golongan miskin menjadi kaya, tetapi ianya dianggap cukup untuk menampung perbelanjaan kehidupan sehari-hari mereka. Sehubungan itu, diharap orang miskin tidak merasa kecewa, sedih atau kecewa dengan kehidupan, bahkan cabaran harus ditempuhi untuk meningkatkan taraf hidup dari semasa ke semasa. Serta jangan bergantung sepenuhnya pada zakat yang diterima. Perlu ada usaha untuk meningkatkan taraf hidup seseorang.



Sekadar Gambar Hiasan

Kaum Sadum

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): “Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni’mat-Ku) tentu Aku akan menambah ni’mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni’mat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.”

- Surah Ibrahiim ayat 7 -

Sesungguhnya, seluruh umat manusia atau makhluk lainnya di muka bumi ini sangat bergantung kepada ni’mat kesempurnaan yang dikurniakan Allah Subhanahu wa Ta’ala. Namun, terdapat sebilangan makhluk yang bukan sedikit tidak mensyukuri ni’mat yang Allah anugerahkan sebaliknya mengkufuri dan sanggup menyelewengkan hasil ciptaan Allah Subhanahu wa Ta’ala dengan menukarnya kepada bentuk dan amalan yang menyalahi hukum-Nya, sebagaimana perbuatan kaum Nabi Luth ‘alaihissalam.

Kaum Luth yang terdiri daripada penduduk Sadum yang merupakan

kaum yang rendah kedudukan moralnya dan rosak akhlak serta tidak mempunyai pegangan agama yang menyebabkan hidup mereka dilingkari dengan kemaksiatan dan kemungkaran.

Kaum Sadum adalah golongan pertama yang menjadi pencetus terjadinya perbuatan tercela iaitu homoseksual ‘gay’ dan lesbian yang sebelumnya tidak pernah dilakukan oleh sesiapa pun dari keturunan Adam.

Golongan lelaki dari kaum Sadum ini memiliki sikap yang di luar tabi’i iaitu tidak berminat kepada wanita. Mereka lebih berminat kepada menjalin cinta,

bermesra dan melakukan hubungan seks terlarang dengan kaum sejenis di kalangan mereka. Perbuatan seumpama ini menjadi berleluasa sehingga menjadi perbuatan tradisi atau adat budaya kaum ini.

Setiap lelaki yang mempunyai paras rupa yang elok dan kacak yang mendatangi kampung mereka pasti akan menjadi rebutan di antara mereka dan akan menjadi mangsa homoseksual oleh kaum lelaki. Begitu juga jika pendatangnya seorang wanita muda, pastinya akan menjadi mangsa perbuatan lesbian daripada kalangan kaum wanita pula.

Selain itu, kaum Sadum juga sering melakukan kezaliman iaitu dengan mengganggu, menyamun atau merompak orang-orang yang dalam perjalanan ke kampung mereka. Yang kuat menjadi berkuasa sedangkan yang lemah menjadi mangsa penindasan dengan sewenang-wenangnya.

Nabi Luth 'alaihissalam diutus Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada kaum Sadum

Melihat keadaan kaum Sadum yang berlanjutan melakukan perbuatan keji dan mungkar sehingga penyakit sosial berleluasa maka Allah Subhanahu wa Ta'ala mengutus Nabi Luth 'alaihissalam untuk menyelamatkan kaum Sadum daripada menjadi manusia yang tidak bertamadun dan mengajak mereka untuk kembali ke jalan yang benar.

Nabi Luth 'alaihissalam menyeru kaum Sadum untuk beriman kepada Allah dan meninggalkan kemaksiatan dan kebiasaan-kebiasaan yang mereka lakukan kerana perbuatan itu bertentangan dengan fitrah dan hati nurani manusia serta tidak sesuai dengan hikmah yang terkandung di dalam penciptaan manusia yang terbahagi kepada dua jenis iaitu lelaki dan perempuan.

Nabi Luth 'alaihissalam juga menasihati mereka untuk meninggalkan perbuatan yang keji dan mungkar serta kejahanan dan kezaliman yang mereka lakukan. Mereka juga dinasihatkan supaya menghormati hak milik masing-masing dan meninggalkan perbuatan merompak dan merampas harta pendatang-pendatang yang baru masuk dan berkunjung di kampung mereka.

Walaupun banyak rintangan, tentangan, cemuh dan ugutan yang diterima, namun Nabi Luth 'alaihissalam tetap sabar melaksanakan da'wahnya. Kaum Sadum yang memiliki sifat yang terlalu sombang hanya memikirkan keseronokan dalam memuaskan hawa nafsu mereka. Mereka mencabar Nabi Luth 'alaihissalam untuk mendatangkan azab jika baginda tergolong orang-orang yang benar sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-'Ankabuut, ayat 28 hingga 29, mafhumnya:

Dan (Kami juga telah mengutus) Nabi Luth, (ingatlah) ketika dia berkata

kepada kaumnya: "Sesungguhnya kamu sebenarnya telah melakukan perbuatan yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam sebelum kamu. Mengapa kamu mendatangi laki-laki (untuk memuaskan hawa nafsu syahwat) dan menyamun serta melakukan kemungkaran di tempat perkumpulan kamu?" Maka tidak ada jawapan daripada kaumnya melainkan mereka hanya berkata: "Datangkanlah kepada kami azab Allah jika betul engkau termasuk orang-orang yang benar."

Allah Subhanahu wa Ta'ala Mengutus Dua Malaikat Menjadi Tetamu Nabi Ibrahim 'Alaihissalam Untuk Menziarahi Nabi Luth 'Alaihissalam.

Nabi Luth 'alaihissalam merasa kecewa terhadap kaum Sadum kerana enggan beriman kepada Allah. Baginda pun memohon kepada Allah agar menyelamatkan orang-orang yang beriman dan menurunkan bala kepada kaum Sadum yang ingkar iaitu sebagai pengajaran berupa azab di dunia. Baginda berdoa sebagaimana yang disebutkan dalam surah asy-Syu'ara' ayat 169, mafhumnya:

(Nabi Luth 'alaihissalam berdoa): "Ya Tuhan! Selamatkanlah aku dan keluargaku (yang beriman) daripada (akibat) perbuatan yang mereka kerjakan.

Doa dan permohonan Nabi Luth 'alaihissalam diperkenankan lalu Allah

Subhanahu wa Ta'ala mengutus dua malaikat yang menyamar sebagai tetamu-tetamu daripada golongan manusia biasa. Malaikat-malaikat ini jugalah yang membawa berita gembira atas kelahiran putera Nabi Ibrahim 'alaihissalam iaitu Nabi Ishaq 'alaihissalam. Mereka juga menjelaskan kepada Nabi Ibrahim 'alaihissalam bahawa mereka adalah utusan Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk menurunkan azab kepada kaum Sadum. Sebagaimana disebutkan dalam surah adz-Dzaariyat, ayat 31 hingga 35, mafhumnya:

Nabi Ibrahim berkata: "Apakah urusan kamu yang penting (selain daripada khabar yang menggembirakan itu) wahai utusan-utusan Allah?" Mereka berkata: "Sesungguhnya kami telah diutus kepada suatu kaum (kaum Nabi Luth) yang berdosa (untuk membinasakan mereka)." Supaya kami menimpakan mereka batu-batu daripada tanah (yang terbakar)." "(Batu-batu) itu diberi tanda di sisi Tuhanmu untuk membinasakan orang-orang yang melampaui batas." Maka Kami (memerintahkan utusan-utusan Kami) mengeluarkan (dari tempat itu) orang-orang yang beriman yang berada di dalamnya.

Setelah Nabi Ibrahim 'alaihissalam mendengar penjelasan malaikat-malaikat berkenaan, ia pun meminta agar azab kepada kaum Sadum itu ditangguhkan, kerana ditakuti mereka akan insaf dan bertaubat. Baginda

juga memohon agar anak saudaranya Nabi Luth ‘alaihissalam dan keluarga diselamatkan daripada azab tersebut.

Malaikat-malaikat tersebut tiba di Sadum dengan menyamar sebagai pemuda-pemuda yang mempunyai paras rupa yang elok, tampan dan bertubuh tegap. Dalam perjalanan hendak memasuki Kota Sadum, mereka bertemu dengan puteri Nabi Luth ‘alaihissalam dan berhasrat untuk bermalam di rumah Nabi Luth ‘alaihissalam.

Nabi Luth ‘alaihissalam pun bersetuju untuk menerima pemuda-pemuda tersebut bermalam di rumah baginda walau pada awalnya hatinya begitu berat menyetujuinya disebabkan khuatir akan keselamatan pemuda-pemuda tersebut.

Setelah kaum Sadum mengetahui tentang tetamu-tetamu tersebut, maka mereka pun ke rumah Nabi Luth ‘alaihissalam untuk memuaskan nafsu mereka. Namun Nabi Luth ‘alaihissalam berusaha mencegah niat buruk kaum Sadum yang ingkar itu sambil menasihati mereka untuk meninggalkan adat kebiasaan mereka.

Mengetahui kedegilan kaum Sadum yang enggan berganjak, Nabi Luth ‘alaihissalam hampir berputus asa. Setelah mendengar dan melihat keadaan Nabi Luth ‘alaihissalam tersebut, kedua pemuda-pemuda itu pun memperkenalkan diri mereka yang sebenar dan mengarahkan Nabi Luth ‘alaihissalam untuk keluar berundur pada waktu tengah malam.

Setelah itu, Allah Subhanahu wa Ta’ala memerintahkan Malaikat Jibril ‘alaihissalam keluar dan membentakan mata penduduk Sadum yang berada di luar rumah Nabi Luth ‘alaihissalam.

Seperti yang diperintahkan dua malaikat itu, Nabi Luth ‘alaihissalam dan keluarga serta pengikut-pengikutnya pun berjalan dengan pantas meninggalkan kota berkenaan. Pada mulanya isteri Nabi Luth ‘alaihissalam ikut sama, tetapi tidak lama kemudian dia memperlakukan jalannya kerana tidak tergamak meninggalkan kaumnya yang sesat itu.

Maka isteri Nabi Luth ‘alaihissalam termasuk dalam golongan mereka yang tinggal ditimpa azab dan dimasukkan ke dalam neraka bersama orang-orang yang kufur dan ingkar, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta’ala dalam surah al-Hijr, ayat 60, mafhumnya:

Kecuali isterinya, kami telah takdirkan dia bahawa sesungguhnya dia termasuk golongan orang yang tinggal (untuk dibinasakan).

Musnahnya Kota Sadum

Atas perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala maka Kota Sadum dan penduduknya yang ingkar dan mendustakan perintah-Nya telah dibinasakan sebagaimana firman-Nya dalam surah Huud, ayat 82 hingga 83, mafhumnya:

Maka apabila datang perintah Kami (untuk membinasakan mereka), Kami menjadikan negeri kaum Nabi Luth itu yang di atas ke bawah (diterbalikkan)

dan Kami menghujaninya dengan batu-batu daripada tanah yang terbakar dengan bertubi-tubi. (Batu-batu itu) diberi tanda di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka) dan ia pula tidaklah jauh daripada orang-orang yang zalim.

Adapun bekas negeri kaum Nabi Luth ‘alaihissalam yang telah dibinasakan oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala ini telah menjadi sebuah laut yang dikenali sebagai Laut Mati dan pada batu-batu yang membinasakan mereka itu tertulis nama-nama orang yang hendak dilontar dan batu-batu itu bukan daripada batu-batu di muka bumi ini.

Azab yang diturunkan kepada kaum Nabi Luth ‘alaihissalam ini meliputi tiga jenis iaitu pertama dibinasakan dengan tempik suara yang kuat, kedua, negeri mereka diterbalikkan dan ketiga, dihujani dengan batu daripada tanah yang terbakar sehingga mereka hancur semuanya.

Demikianlah akhir kesudahannya yang terjadi kepada isteri Nabi Luth ‘alaihissalam dan kaum Sadum yang ingkar. Tiada siapa yang boleh menolong mereka daripada azab yang menghancurkan itu. Adapun kesan kehancuran itu telah diperlihatkan sebagai tanda peringatan bagi orang-orang yang beriman.

Allah Subhanahu wa Ta’ala berfirman dalam surah al-Hijr ayat 75 hingga 77, mafhumnya:

Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang memerhati dan memikirkannya. Dan sesungguhnya negeri kaum Luth (yang dibinasakan itu) terletak di jalan yang tetap (masih digunakan). Dan sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat suatu tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman.

Bagaimanapun, hukuman Tuhan terhadap manusia yang mengamalkan hubungan songsang itu tidak dapat dinafikan. Malangnya, selepas ribuan tahun kaum Nabi Luth dihancurkan, ternyata masih ada pihak yang tidak mengambil iktibar daripada malapetaka hukuman Allah Subhanahu wa Ta’ala terhadap manusia songsang yang melampaui batas itu.

PENUTUP

Imam al-Khattabi dalam Ma’alim al-Sunan mengatakan bahawa perbuatan kaum Nabi Luth ini dihukum dengan sedemikian berat kerana seolah-olah para fuqaha’ merujuk kepada maksud di sebalik seksaan dan azab Allah Subhanahu wa Ta’ala yang telah menghujani batu ke atas kaum Luth sehingga mereka terbunuh semuanya.

Sesungguhnya al-Qur'an menceritakan para nabi-nabi dan umat terdahulu, supaya manusia dapat meneladani

akhlak mereka dan bukan sekadar cerita yang diceritakan, bahkan agar si pembaca dan si pendengar dapat mengambil pengajaran, seolah-olah ia memberitahu manusia bahawa dahulu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah memberi balasan kepada orang-orang yang ingkar kerana keingkaran mereka.

Semoga ia dapat memberi satu kefahaman dan kesedaran kepada kita, betapa ancaman dan amaran Allah *Subhanahu wa Ta'ala* amat keras terhadap mereka yang mewarisi perjuangan Kaum Nabi Luth yang menentang perjuangan Baginda, seperti yang dirakamkan dengan jelas di beberapa tempat dalam al-Qur'an.



Memelihara Keturunan

Di antara kemuliaan yang diusahakan oleh manusia ialah memelihara keturunan atau disebut dalam Bahasa Arab (حفظ النسل) bermaksud "memelihara keturunan manusia." Mewujudkan keturunan itu adalah melalui perkahwinan atau pernikahan menurut hukum-hukum serta peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh agama Islam.

Tujuan pernikahan di antaranya ialah bagi memelihara keturunan manusia serta menambah zuriat keturunan, khususnya bagi umat Islam dan mengelakkan manusia dari melakukan perbuatan zina atau maksiat. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah an-Nisaa ayat 3:

...فَإِنَّكُمْ أَمَاطَابَ لَكُم مِّنَ الْسِّيَءَاتِ...

Mafhumnya:

...maka kahwinilah sesiapa yang baik bagi kamu daripada perempuan-perempuan (lain),...

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman lagi dalam surah an-Nuur ayat 32:

وَأَنذِكُهُوا إِلَيْنَا مِنْكُمْ وَالصَّلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ
وَمِمَّا يَرْكِمُ...

Mafhumnya:

Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (laki-laki dan perempuan) daripada kalangan kamu dan daripada kalangan hamba-hamba kamu yang layak berkahwin, laki-laki dan perempuan...

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman dalam surah al-Isra' ayat 32:

وَلَا نَقْرُبُوا إِلَرْبِي إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ
سَيِّلًا ﴿٣٢﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan jalan yang buruk.

Allah Subhanahu wa Ta'ala melarang daripada menghampiri apa-apa jua perbuatan yang membawa kepada perbuatan zina apalagi perbuatan zina itu sendiri kerana ia bukan sahaja merupakan satu perbuatan yang jelas kejinya, tetapi juga menimbulkan berbagai kerosakan dalam masyarakat, di antaranya merosakkan keturunan atau nasab, mengembangkan penyakit yang berbahaya seperti HIV, AIDS dan berbagai-bagai penyakit kelamin. Selain itu ia boleh menimbulkan pergaduhan dan pembunuhan.

Sehubungan dengan itu manusia khususnya umat Islam hendaklah memelihara kemuliaan diri dan akhlak mereka, dengan mengikuti hukum-hukum dan peraturan-

peraturan yang berkaitan dengan perkahwinan. Perkara-perkara yang boleh membawa kepada perzinaan hendaklah dijauhi dan dihindari.

Kita diperingatkan supaya sentiasa memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala untuk dikurniakan keluarga dan keturunan yang baik, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Furqaan ayat 74:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبُّنَا هُبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا
وَذَرْنَا نَافِرَةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ
إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Mafhumnya:

Dan juga mereka yang berdoa: "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami isteri-isteri kami dan zuriat-zuriat keturunan kami sebagai penyenang hati danjadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertaqwa."

Menginfakkan Harta

Ke Jalan Allah



لِلْفُقَرَاءِ الَّذِينَ أُحْصِرُوا فِي سَيِّئِ الْأَعْمَالِ لَا يَسْتَطِعُونَ ضَرْبَافِ الْأَرْضِ
يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ أَغْنِيَاءَ مِنَ الْتَّعْفِ تَغْرِيَهُمْ بِسِيمَهُمْ لَا يَسْأَلُونَ
الْتَّاسِ إِلَّا حَافِدًا وَمَا نَفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

Mafhumnya:

(Sedekah itu) adalah bagi orang-orang fakir yang telah mengikat diri mereka untuk berjihad pada jalan Allah, mereka tidak dapat mencari rezeki di muka bumi (seperti menjalankan perniagaan dan sebagainya kerana kesibukan mereka berjuang mempertahankan agama Allah). Orang-orang yang tidak mengetahui (hal keadaan mereka menyangka mereka itu orang-orang kaya kerana mereka menahan diri daripada meminta-minta. Engkau dapat mengenal mereka daripada sifat-sifat dan keadaan mereka. Mereka itu juga tidak meminta kepada orang ramai dengan mendesak-desak. Dan apa juah harta yang kamu belanjakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.

(Surah al-Baqarah: 273)

Perhatikan Segala Kemudahan di Bumi
yang Allah Ciptakan Untuk Kegunaan
Manusia.

أَمْ تَرَأَنَ اللَّهَ سَخْرِلَكُمْ مَّا فِي الْأَرْضِ وَالْفُلْكَ
تَجْرِي فِي الْبَحْرِ أَمْ رَهْ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ
أَنْ تَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِنِهِ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ
لَّرِءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٥﴾

Mafhumnya:

Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang (kamu gunakan sebagai kenderaan dan pengangkutan) belayar di laut dengan perintah-Nya. Dan Dia menahan langit daripada runtuh menimpa bumi kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Belas Kasihan lagi Maha Pengasih.

(Surah al-Hajj: 65)

Larangan Memakan/Memperolehi Harta dari Orang Lain dengan Cara yang Tidak Halal

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ
وَنَذِلُوا بِهَا إِلَى الْحَكَامِ لِتَأْكُلُوهُ فِي قَاتِمَنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٦٦﴾

Mafhumnya:

Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan

jalan yang bathil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya.

(Surah al-Baqarah: 188)

Larangan Mengungkit Bantuan Sedekah yang Menimbulkan Sakit Hati/ Penghinaan Larangan Memakan/ Memperolehi

يَعَمِّلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ
بِالْمُنْهَى وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَا لَهُ رِئَاءً أَلَّا يَرَى
وَلَا يُوْمَنُ بِأَمْوَالِهِ وَالْيَوْمُ الْآخِرُ فَمِثْلُهُ كَمُثْلِ
صَفْوَارِ إِنَّمَا تُرَابٌ فَأَصَابَاهُ وَأَبْلَى
فَتَرَكَهُ صَلَدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ
مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهِدِي الْقَوْمَ
الْكَفِرِينَ ﴿٦٧﴾

Mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riya' (menunjuk-nunjuk) kepada manusia, dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka perumpamaan orang itu adalah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya kemudian batu

itu ditimpa hujan yang lebat sehingga menjadikannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang kafir dan riya' itu), mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun daripada apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

(Surah al-Baqarah: 264)



Tetaplah Istiqamah

*In sya Allah indah
Pada Waktunya*

Allah berfirman dalam surah Fushshilat ayat 30:

...أَلَا تَخَافُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ
الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾


Mafhumnya:

“...Janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita,
serta bergembiralah dengan syurga yang telah
dijanjikan kepada kamu.”

Hukum Alam

NURSYAHIRAH E'ZZATI BINTI ABD HAMID

**Pemenang Ketiga Kategori Cerpen bagi Peraduan
Penulisan Seni Kreatif dan Non Kreatif Berunsur Islam
sempena Sambutan Maulud Nabi *Shallallahu 'alaihi
wa sallam* 1444H / 2022M**



“KOMPANG dipalu, pengantin baru, duduk bersanding tersipu malu”, belum sempat lagu Izam dan Waheeda selesai dimainkan di udara, aku terus menutup radio yang ku pasang pada Iphone 14 ku yang baharu saja aku beli setelah pelancarannya seminggu lalu. Jam menunjukkan 12.55 tengahari dan aku memang terlambat untuk hadir ke acara perkahwinan sepupu ku, Nadhirah. Aku menyemburkan pewangi badanku, merangkul kunci rumah nenekku lalu berlari menuju ke pintu utama ruang tamu.

“Sudah siap Cu? Jom pergi”, tegur nenekku. Nenekku membuka payungnya dan mengajakku bersama.

...“Lama sudah tidak pergi majlis keramaian Ni”, aku membuka kata.

Nenek hanya tersenyum dan mengangguk. Setibanya kami di perkaran rumah lokasi yang dituju, kami disambut mesra oleh isteri Ketua Kampung, Datin Faridah, yang juga merupakan ibu kepada bakal pengantin

baru, Nadhirah, ya Nadhirah, sepupuku. Walaupun berlindung di sebalik sungkup muka dengan corak bunga berwarna merah jambu, kelihatan dari matanya tersenyum menyambut kedatanganku dan nenek. Ringkas, sederhana dan tidak padat. Itu konsep perkahwinan sepupuku Nadhirah, lain dari yang diimpikannya.

“Protokol Aisy, lupakan impian dulu. Terima kasih datang”, Nadhirah menepuk bahuku dan menyapaku

dengan wajah yang riang. Aku terkejut dan terpegun melihat kecantikannya.

“Nampak anggun. Tahniah Nadh”, aku menyapa kembali.

“Kau lewat, tapi jangan risau, masih ada makanan dan minuman terhidang. Jemputlah”, Nadhirah mempelawa.

Pada masa pandemik COVID-19 ini perlu juga diingatkan agar menjalani kehidupan yang sederhana dan tidak serakah terhadap dunia. Hasrat pada hal-hal yang materi atau duniawi perlu ditekan sedikit. Itu konsep perkahwinan Nadh. Itu sekadar pengamatanku.

“Tular di akaun TikTok milik Hassan Bin Ali...” belum habis berita itu, aku terus menukar saluran televisyen.

“...dalam akaun lesap angkara scammer...” sekali lagi berita di salah satu saluran televisyen bertayangan secara langsung.

“Ahhh.. tak habis habis berita macam ini”, aku mengeluh sendiri.

Tetapi memang betul, sejak penularan wabak COVID-19 ini dan keadaan yang memaksa masyarakat untuk berada di rumah sebagai langkah berjaga-jaga dengan masa yang terluang, saat itulah penggunaan teknologi digital semakin meningkat. Begitu juga kes jenayah

siber menyaksikan peningkatan. Saban hari, keratan akhbar dan siaran televisyen memaparkan kes-kes penipuan di internet yang melibatkan masyarakat umum. Semakin ramai rakyat yang menjadi mangsa kepada penipuan internet sehingga mengalami kerugian wang ringgit sehingga ratusan ribu. Warga tua menjadi sasaran kepada kes penipuan ini kerana mereka mudah terpengaruh dan kurang celik dengan penggunaan gajet atau teknologi masa kini. Bawa ke tepi tentang hal itu. Ada yang lebih merungsingkan dari hal itu.

Belum sempat aku memikirkan hal lain, masuk sebuah notifikasi pada Iphone 14 ku tentang kes gangguan seksual di akaun TikTok. Fitnah Wanita. Ya, itu yang aku cuba untuk utarakan. Salah satu cubaan terbesar yang berbahaya. Dahsyatnya fitnah wanita telah disebutkan dalam al-Qur'an dan hadits sebagaimana Imam al-Bukhari dan Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaiki wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Tidaklah aku tinggalkan fitnah yang lebih besar bagi kaum lelaki melebihi fitnah wanita.” (HR Bukhari dan Muslim).

Berbicara tentang media sosial ini, zaman sekarang, wanita suka memamerkan diri mereka untuk tatapan umum melalui penampilan yang menghilangkan rasa malu. Tak

hanya aurat, lenggang-lenggok tubuh dengan indah ataupun mimik wajah yang lucu juga tidak terkecuali.

“Pandangan mata merupakan awal berlakunya pelbagai malapetaka”, aku mengeluh seorang diri. Ini sesuatu yang kita kena fikirkan bersama untuk meletakkan kaum wanita di tempat yang mulia dan dihormati. Jika dibiarkan wanita tanpa bimbingan dan pendidikan akan menyebabkan perzinaan terus bermaharajalela, semakin banyak memandang kecantikan seorang wanita bukan mahramnya, maka semakin mendalam kecintaannya sehingga akhirnya akan mendekatkannya kepada jurang kebinasaan. Hal ini juga disampaikan di dalam hadits Imam al-Bukhari dan Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta’ala telah menetapkan bahagiannya zina untuk setiap anak Adam. Dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya.”

“Ingat! Syaitan tidak pernah tidur, syaitan sentiasa menggoda semua manusia kecuali hamba Allah yang beriman dan bertakwa,” aku berbicara

sendiri seolah sedang menyampaikan sebuah ceramah. Baik kita seorang lelaki atau seorang perempuan, kita perlu memuhasabah diri. Jangan sesekali membiarkan diri kita berterusan di dalam dosa. Bertaubat jalan terbaik dari sesuatu kesilapan yang sudah kita lakukan. Jom bersama menjadi wanita solehah yang dicintai Allah dan Rasulullah, dan menjadi lelaki yang soleh, sebagai pemimpin dan pembimbing diri dan ahli keluarga ke syurga dan terjauh dari kedahsyatan fitnah wanita. Wanita adalah perhiasan terindah sebagaimana hadits Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Abdullah bin Amr, bahawa Rasullullah bersabda yang bermaksud:

“Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah isteri yang solehah.”

“Wanita itu dinikahi kerana empat perkara iaitu kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya. Maka pilihlah olehmu wanita yang punya agama, engkau akan beruntung,” aku merenung kembali hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim yang tidak pernah luput di ingatanku.

“Tak salahkan teknologi, tapi kepandaian mereka membawa diri dalam teknologi, penggunaan yang bijaksana, itu yang penting”, sekali lagi, aku merenung seorang diri. Aku tidak faham, mengapa sesetengah orang

suka menjadi perhatian, publisiti dan sebagainya. Belum lagi halnya fitnah dunia apabila memerlukan memberi keadilan dan kebenaran sebenar pada kes perbicaraan. Itu malas aku nak lanjut.

"Ada-ada sahaja", aku menutup segala yang bermain di benak fikiranku.

Angin yang menyapa wajah dan tubuhku serta deruan air sungai yang mengalir membuatku tenang seketika. Kampung Laila Menchanai, perkampungan nenekku, nilai keindahan tetap indah di pandangan, dekat di jiwa. Sengaja aku 'melarikan diri' dari dunia kota yang sibuk dan merimaskan pemikiranku.

"Ni, aku keluar sekejap membeli nasi katok. Ada pesan sesuatu?" aku bertanya. "Nasi katok, ayam isi, sambal pedas. Aku terseliur," nenekku berpesan.

"Di sini pun \$1.50 harganya sebungkus?" aku merungut di dalam hati.

"Terima kasih lai", tegur seorang penjual berbangsa Indonesia yang agak fasih berbahasa Brunei.

Setelah aku membeli nasi katok, aku singgah di sebuah kedai runcit berdekatan. Jika dahulu dengan berbekalkan wang 50 ringgit, kita boleh memenuhi sebuah troli di pasar raya. Namun kini ia sangat berbeza, dengan wang sedemikian itu hanya mampu memenuhi satu bakul sahaja.

"Wah kawan, banyak naik kos harga ah ini barang mentah di kedai", aku bersuara kepada juruwang berbangsa India.

"Itu lah, masalah inflasi ekonomi dunia", dia menyahut.

"Ketegangan geopolitik di peringkat antarabangsa. Bukan itu saja, perubahan iklim yang menjelaskan penghasilan makanan", lanjut seorang perempuan pekerja India yang datang dari seksyen belakang.

Kami merasa agak kekok permulaannya kerana masing-masing menggunakan sungkup muka dan seakan tidak mengenal sesama sendiri. Memasang sungkup muka menjadi hal yang tidak asing di masa pandemik. Terpaksalah beradaptasi dengan kondisi. Hampir semua orang sudah terbiasa dengan kehidupan normal baharu ditemani pelbagai SOP memandangkan kita masih belum menang perang.

"Heiii Assalamualaikum, apa khabar Ka Liyana!" tegurku sebaik sahaja dia membuka sungkup mukanya dan terus menghulur tangannya.

Liyana merupakan isteri kepada pekerja India tersebut. Sudah lama aku tidak bertemu dengannya. Dengan senyuman terukir di wajah hitam manisnya, dia menjawab salamku dan berkata, "Wah sudah lama inda berjumpa dik, dari mana saja, setahun baru nampak."

"Amboi, boleh tahan bahasa Melayu kita," aku memuji. "Pergaulan. Sikap keterbukaan Brunei", jawabnya ringkas. Agak lama juga aku berada di kedai itu, berborak-borak bersama Liyana sehingga satu masa, aku teringat akan pesanan nenekku. Aku pun meminta diri untuk beredar.

Bunyi ketukan lesung batu nenek dan bau tumis yang naik wangi membangunkan aku pada pagi itu.

Aku menggeliat, mengunjurkan kakiku dan menarik nafas panjang. Pagi yang segar, cuaca yang sempurna, tidak terlalu panas dan tidak terlalu dingin. Panas matahari yang terik, namun kesegaran angin yang datang dari pohon-pohon hijau di sekeliling tetapi menapis suhu panas pagi itu.

"30 degree celsius, not bad," bisikku dengan penuh suka.

"Baru bangun si Cucu ani, makanlah dahulu, Nini ada menyiapkan kuih sapit bersama penyaram," pelawa nenek.

"Makanan favourite tu, terima kasih Ni", aku memeluknya dan berlari-lari anak segera menuju ke dapur membuka dulang. Mataku sungguh berkaca melihat kuih muih tradisional yang sudah lama tidak ku santap.

"Banyak hal sudah berubah sejak kebelakangan ani. Apakan daya hidup mesti diteruskan. Yang baik jadikan teladan, kalau jahat jadikan sempadan", aku mengelamun.

"Assalamualaikum Aisyah oi!", aku tersentak dari lamunan. Aisyah, ya namaku Aisyah. Aku tiba-tiba terkenang Allahyarham ayah yang memberi nama ini. Nama yang baik. Setiap orang yang memanggilnya secara tidak langsung mendoakannya. Di samping itu, dapat juga menjadi pembentuk keperibadiannya. *Wallahu'lam*. Terima kasih ayah dan ibu kerana memberiku nama yang indah dan baik. Semoga mereka berdua mendapat rahmat. Imam Ibnu Majah dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Anas *Radhiallahu 'anhu* dalam sebuah hadits bahawasanya Rasul bersabda yang bermaksud:

"Muliakanlah anak-anak kalian dan berilah nama yang baik."

Astaghfirullah, jauh melayang fikiran. Rindu pada Allahyarham ayah dan ibuku.

"Waalaikumsalam. Seperti kenal suara tu. Ka Saadiah, bukan?", aku melantangkan suaraku dan segera menuju ke pintu ruang tamu dengan keadaan gelabah membuka kunci pintu.

"Haha. Dari suara boleh kenal. Lama tidak berjumpa Aisyah. Nenek Aminah yang memberitahu kau ada di sini," dia membalas.

Kami berjabat tangan dan berpelukan, melepas rindu. Ya tepat dugaanku, Saadiah hadir menjengukku.

"Ikut pergi bersiar-siar?" Ka Saadiah juga merupakan seorang sarjana geologi di sebuah universiti di Singapura. Lama juga dia belajar di luar negara. Selain nenek, dia yang banyak membimbangi aku setelah kedua orang tua pergi meninggalkan aku untuk selamanya.

"Alhamdulilah, lama tidak merasai bersiar-siar di kota," aku membuka bicara.

"Bumi adalah satu-satunya rumah untuk pelbagai penghuni - manusia,

fauna dan flora. Indah," kata-kata Saadiah menyambut mesra bicaraku. Aku tersenyum. Udara ku hirup terasa segar. Alam sekitar sudah kembali normal sejak pandemik COVID-19 'menyerang' bumi. Langit sudah kembali biru, sungai sudah semakin jernih.

Landskap bandar kelihatan bersih dan cantik, *Alhamdulillah* sekarang dapat menikmati keindahan Kampung Sentosa. Ini memang tidak menghairankan, apabila negara kita melaksanakan Kawalan Pergerakan. Dengan kebijaksanaan itu, indeks pencemaran udara di sejumlah kota menurun cukup drastik.

Aku hanya berharap agar manusia tidak terjatuh dalam prilaku syirik dalam bentuk penghancuran atas lingkungan yang seolah-olah mereka adalah maha kuasa atas alam yang dengan segala kehendaknya bertindak sewenang-wenang atas alam yang bukan ciptaan mereka melainkan ciptaan Allah

Manusia, merupakan satu-satunya makhluk hidup di muka bumi yang dianugerahi akal dan kecerdasan oleh Allah, oleh kerana itu sudah seharusnya berkerjasama menjaga kekayaan alam, kelestarian lingkungan dan keindahan alam yang ada di muka bumi ini sejak dari awal lagi.

COVID-19 telah mengajar aku beberapa prinsip asas hubungan manusia dan alam sekitar. Di mana semua hidupan lain mempunyai hak untuk tinggal di bumi ini dan alam sekitar memberi perkhidmatan asas untuk kehidupan manusia. Tanpa dasar dan tindakan pengurusan alam sekitar bersepada, kehadiran manusia di muka bumi ini

adalah terhad. Manusia akan pupus jika tidak memberikan perhatian kepada kelestarian alam sekitar. Jauh dari sudut hati aku berharap agar mereka sedar bahawa dirinya berperan sebagai ‘subjek’ pengganti (khalifah) Tuhan, bukan merebut tugas Allah yang mengatur layaknya penguasa. Apalagi dengan bertambah pesatnya perkembangan teknologi yang ada sekarang ini membuat mereka semakin menjadi-jadi mengeruk kekayaan alam ini.

Teringat satu firman yang disampaikan ketika menghadiri ceramah melalui *online Zoom* sebulan lepas.

Firman Allah dalam al-Qur'an surah ar-Ruum ayat 41-42 yang mafhumnya:

Telah nampak berbagai-bagai kerosakan di darat dan di laut disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan (buruk) yang mereka telah kerjakan supaya mereka kembali (bertaubat). Katakanlah (wahai Nabi Muhammad): “Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang dahulu, kebanyakannya mereka ialah orang yang menyekutukan Allah.”

“Syirik!” pekik Saadiah seolah faham apa yang terbelenggu di fikiranku.

“Syirik dalam bentuk kesombongan dan penguasaan atas ciptaan Allah,

penguasaan manusia atas manusia lain, penguasaan manusia terhadap alam dan lingkungan, tindakan membunuh sesama manusia, kurangnya tindakan bersyukur atas kurnia alam yang telah Allah lengkapi untuk kesejahteraan manusia di bumi,” lanjut Saadiah menghuraikan.

“Amboi Ka Saadiah, sejak mendalami ilmu sastera ni, pandai pulak dia menyusun kata”, nadaku bergurau.

Aku hanya berharap agar manusia tidak terjatuh dalam perilaku syirik dalam bentuk penghancuran atas lingkungan yang seolah-olah mereka adalah maha kuasa atas alam yang dengan segala kehendaknya bertindak sewenang-wenang atas alam yang bukan ciptaan mereka melainkan ciptaan Allah. Kerana bagiku umat manusia diutus Allah *Subhanahu wa Ta’ala* sebagai wakilnya untuk memimpin bumi. Di dalam al-Qur'an banyak disebut perkara perihal manusia adalah khalifah Allah yang diberi tanggungjawab atas kelestarian alam.

Berapi-api perasaanku pagi itu membaca pesanan ringkas dari aplikasi whatsapp yang ku terima dari rakan sejawatku, Abdul, yang merupakan General Manager di Restoran Mewah. Suatu pekerjaan yang agak berisiko.

“Projek terbesar. Kera liar. Untung berganda.” Teks yang ringkas diterima pada jam 9.09 pagi.

Abdul juga turut memberitahu tentang permintaan tinggi dari negeri China. Mereka ingin bekerjasama dengan pihak restoran kami memandangkan purata bangsa mereka dalam negeri ini memang tidak kurang ramainya. Haiwan liar diburu dan dibunuh untuk dijadikan bahan makanan kerana dianggap mengandungi kandungan nutrien yang baik untuk kesihatan. Selain dikatakan mempunyai rasa yang sedap serta berbeza berbanding daging ayam dan lembu, mereka juga ingin mencuba makanan yang luar biasa daripada diet harian mereka. Haiwan liar sebagai makanan eksotik disebabkan kepercayaan kepada makanan ini yang menjadi sumber perubatan untuk mengubati penyakit. Di samping itu, pengambilan dan konsumsi daging haiwan liar turut dikaitkan dengan darjat seseorang iaitu kemampuan membeli memandangkan harganya amat mahal di pasaran. Harimau, beruang, gorila, tenggiling, merupakan antara haiwan liar yang menjadi pilihan penggemar makanan eksotik bagi masyarakat negara maju seperti mereka.

Kerakusan manusia terhadap pemakanan daging haiwan liar yang diakui membawa virus dan penyakit berjangkit telah memudaratkan semua manusia tidak kira agama dan bangsa serta merentasi sempadan negara. Orang-orang yang memburu, mengendalikan dan memakan daging haiwan liar telah merisikokan kehidupan mereka disebabkan oleh penyakit yang dibawa oleh haiwan

liar tersebut. Hal ini berlaku kerana disebabkan aktiviti pemburuan dan penyembelihan haiwan liar ini telah mendedahkan mereka kepada penyakit zoonosis apabila berlakunya kontak dengan haiwan yang dijangkiti secara langsung atau tidak langsung melibatkan haiwan dan manusia. Sikap tidak ambil peduli seperti ini hanya akan lebih memburukkan keadaan, menjadikan kesihatan orang ramai.

Terpana dengan kerakusan manusia memakan daging haiwan liar tanpa batasan menyebabkan berlakunya jangkitan penyakit zoonosis. Ada bukti kuat bahawa munculnya penyakit zoonosis - penyakit yang berpindah antara haiwan - berhubungan dengan perubahan ekosistem dan campur tangan manusia terhadap habitat alam liar. Ini dapat memicu virus dan parasit untuk keluar dari habitatnya dan menginfeksi manusia. Hal beginilah membuat patogen-patogen yang awalnya ada pada haiwan liar dan dijaga oleh ekologi hutan, akhirnya berinteraksi dengan manusia.

Kaburkah sudah mata dia dengan wang? Mahukah dia lagi penyakit lain menyerang umat manusia?

“Sudah-sudahlah tu Abdul,” aku seakan tidak percaya membaca teks yang dikirimkan olehnya.

Menjadi tuntutan seorang muslim untuk memilih makanan yang halal dan berkualiti. Daripada aspek kepentingan

syariat Islam dalam memilih jenis makanan, makanan yang diharamkan adalah untuk menjaga kemaslahatan manusia secara keseluruhan supaya dapat beribadah kepada Allah. Agama Islam melarang dalam pemakanan daging haiwan liar – eksotik - kerana terbukti memudaratkan kesihatan, keadaan ini sekali gus mampu menjangkiti manusia dan membunuh. Seseorang muslim perlu memastikan bahawa dirinya hanya mengambil makanan yang halal untuk memastikan kesempurnaan hidup agar sentiasa dalam keadaan baik dan sihat. Hakikat pengharaman sesuatu makanan itu adalah untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan seluruh manusia akibat daripada penyakit yang berpunca daripada makanan tersebut. Oleh itu, syariat Islam telah mengajarkan bahawa pemilihan dan pengambilan makanan adalah perlu merujuk kepada al-Qur'an dan as-Sunnah. Perkara ini dijelaskan dalam al-Qur'an, surah al-Maa'idah ayat 88 yang mafhumnya:

"Dan makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah telah kurniakan kepada kamu dan bertakwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman."

Sedang aku sibuk mengemas barangku, memandangkan esok aku sudah mulai

masuk berkerja, Iphone 14 ku berdering tidak henti-henti.

"Assalamualaikum dan selamat pagi, Puan Aisyah Binti Ahmad?", suara tidak dikenali menyapaku sebaik sahaja aku mengangkat panggilan itu.

Ini mesti soal urusan kerja, kerana tidak ada yang memanggil ku puan kecuali yang bersangkut dengan hal di pejabat. Aku menduga sejenak sebelum menjawab sapaan itu.

"Waalaikumsalam, ya, saya", aku menyambung.

"Saya Pegawai Rafi dari pejabat polis, hari ini telah memberkas salah seorang pekerja yang dipercayai merupakan General Manager di Restoran Mewah, yang mana saya turut dimaklumkan juga merupakan rakan sejawat puan, telah didapati berkerjasama dalam pemburuan haram haiwan liar di sebuah tempat tersembunyi di hutan Kampong Makmur. Untuk memudahkan siasatan kami, dapat puan hadir ke pejabat kami di Gadong sekarang?" jelas pegawai itu tidak putus-putus.

"Ya, boleh", aku menjawab ringkas.

Media sosial merupakan medium paling berpengaruh dalam menyebarkan maklumat. Namun kena ingat juga, maklumat yang diviralkan perlu usul periksa terlebih dahulu. Boleh jadi perkara betul atau palsu, boleh jadi perkara benar maupun salah. Dibimbangi mengundang fitnah dan dosa sehingga akhirat.

Selama tiga jam aku dan rakan sejawatku, Abdul, ditahan reman bagi membantu siasatan. Aku bersyukur dengan pertolongan Allah juga, aku terlepas. Aku memang tidak bersalah. Segala bukti memang ada. Aku sungguh takjub dengan era pada abad kini, abad perkembangan teknologi, sungguh luar biasa. Baru sehari aku menerima pesanan Abdul atas rundingan haramnya, akhirnya tumpas. Informasi sangat mudah untuk tersebar luas melalui individu satu ke individu lain.

Media sosial merupakan medium paling berpengaruh dalam menyebarkan maklumat. Namun kena ingat juga, maklumat yang diviralkan perlu usul periksa terlebih dahulu. Boleh jadi perkara betul atau palsu, boleh jadi perkara benar mahupun salah. Dibimbangi mengundang fitnah dan dosa sehingga akhirat.

Nama baik dan air muka seseorang individu boleh tercemar atau tercaltar apabila wujud fitnah yang dilemparkan terhadapnya yang mana boleh mengaibkan dirinya.

Seperti fenomena di mana media sosial memiliki kekuatan untuk membuat sesuatu menjadi viral dalam sekejap, betul-betul terjadi. Rakaman yang diambil secara langsung telah dirakam oleh salah seorang penduduk kampung dan dengan pengendalian orang samar dari pihak polis, penyerbuan dilakukan saat itu juga.

Lebih parah lagi, Abdul didapati memperdagangkan satwa liar yang berisiko tinggi dalam kondisi hidup di pasar-pasar basah bersama dengan haiwan-haiwan liar lainnya, sejak sebulan yang lalu. Situasi di pasar basah dan satwa liar yang tidak kondusif dapat membuat haiwan-haiwan menjadi tertekan dan boleh berdampak kepada kondisi kesihatan haiwan tersebut. Ketika keadaan tubuh tidak lagi prima, virus-virus yang mungkin ada di dalam tubuh haiwan tersebut mulai muncul. Virus ini lalu keluar melalui kotoran haiwan atau ketika haiwan tersebut dibunuh. Kejam. Sungguh kejam.

Laman sesawang gelap mereka juga sudah disekat kerana mempromosi dan memasarkan produk restoran tersebut secara sembunyi yang ditawarkan pada pelanggan di dalam negeri mahupun di luar. Dengan harapan agar seluruh produk yang dikeluarkan oleh perusahaan boleh laris terjual dan mendapat keuntungan berlipat ganda. Itulah strategi *marketing* mereka.

Masih tidak fahamkah mereka, pendorong utama pandemik seperti virus corona merupakan hasil dari perilaku destruktif manusia terhadap alam dan ini malah berpotensi untuk mendatangkan malapetaka pada kesihatan, ekonomi dan keamanan global? Bukan itu sahaja, eksplorasi lingkungan melalui penggundulan hutan serta perluasan tanah untuk tujuan agrikultur dan kemajuan infrastruktur boleh menyebabkan

gangguan kepada sistem ekologi dan sosial. Salah satu dampak yang mungkin timbul dari kerosakan alam adalah timbulnya penyakit-penyakit baru dan salah satunya berkontribusi pada terjadinya pandemik ini. Hadirnya virus tersebut merupakan manifestasi dari hubungan yang tidak seimbang antara alam dan manusia. Namun kerana sudah tabiatnya, keserakahaman manusia akan harta benda membuatnya lalai akan tugas menjaga kelestarian alam. Ketika nafsu mengeruk kekayaan, mengeksplorasi sumber daya kekayaan yang ada di alam secara habis-habisan, menguasai alam dan lingkungan, akibat buruknya pun kembali pada manusia. Alam sekitar adalah antara amanah kepada umat manusia di atas muka bumi ini. Pelbagai nikmat yang boleh diperoleh manusia jika kita menjaga dan memelihara alam sekitar dengan baik, lebih-lebih lagi kerana alam dan manusia saling memerlukan. Kerosakan alam ini disebabkan ego manusia yang bertindak sebagai penguasa di bumi ini. Mengganggu atau merosak eksistensi asasi alam, bererti merosak bumi berserta isinya, merosak ciptaan Allah Yang Maha Esa.

Bersyukur kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap urusan masyarakat dan negara untuk

mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjaga kemaslahatan bersama. Nasihat atau arahan yang dikeluarkan oleh pakar kesihatan hendaklah diikuti dalam usaha memelihara kemaslahatan bersama bagi membendung penularan wabak penyakit. Setentunya, pihak berkuasa kerajaan seperti Kementerian Kesihatan adalah tunjang utama memberikan arahan dengan merujuk kepada pihak berkuasa agama untuk mematuhi syariat dan penyelarasaran hukum.

"Vaksin COVID untuk memutus mata rantai penularan virus Ni, in sya Allah, salah satu langkah pencegahan, walau bukan pengubatan."

Mungkinkah juga ini dipanggil hukum alam? Serangan COVID-19 ini menyadarkan aku bahawa alam semesta yang kita huni saat ini merupakan tempat yang sangat besar dan penuh misteri, di mana berbagai jenis makhluk hidup, termasuk virus, tinggal dan berkembang biak. Segala aktiviti manusia yang merosak alam nyatanya telah terbukti merugikan kehidupan manusia itu sendiri. Namun aku lihat mungkin saja bumi memerlukan semacam rehat dari aktiviti beratnya sehari-hari. Bumi ini perlu memulihkan kesihatannya demi menjaga keberlangsungan hidup umat manusia. Aku tidak melihat semata-mata negatif. Tampaknya, pandemik COVID-19 pada sisi pandanganku sebagai merawat dan menstabilkan kembali keadaan bumi yang juga semakin diresahkan dengan perubahan iklim yang ekstrem

akibat fenomena pemanasan global di permukaan Bumi.

"Cu, aku takut," suara nenek memecah anganku. "Kenapa tu Ni?"

"Bervaksin. Banyak isu yang membuat Nini resah. Keamanannya, kehalalannya, keabsahannya, keberkesanannya."

Dakwaan-dakwaan berat dikeluarkan sesetengah golongan pastinya sedikit sebanyak menimbulkan kegusaran dalam hati nenek, dan mungkin juga orang lain.

"Jangan risau Ni, kaedah asal mengikut hukum Islam, vaksin dihasilkan daripada benda suci dan tidak memudaratkan manusia. Lagipun dalam pembuatan vaksin juga telah berlaku penyaringan, penyucian dan pemurnian berulang kali sehingga bahan asal itu tidak dapat dikesan pada peringkat akhir vaksin." Aku memujuk nenek kerana vaksin sangat membantu sistem imun dengan melatih antibodi ini untuk mengenal pasti kuman-kuman tertentu supaya sistem imun cukup bersedia apabila tiba masa kuman sebenar menyerang badan dan mengurangkan risiko mendapat jangkitan virus.

"Vaksin COVID-19 untuk memutus mata rantai penularan virus Ni, *in sya Allah*, salah satu langkah pencegahan, walau bukan pengubatan."

"Mungkin bumi sudah tua. 2023, semoga reda," aku menutup doa

selepas menuaikan sembahyang Isya malam itu. *Ma sya Allah*, dalam masa satu minggu yang singkat ini, ada-ada sahaja yang terjadi. Sampai bila manusia leka dengan perbuatannya tersendiri? Soalan yang sentiasa terngiang-ngiang di benak fikiranku. Virus yang kecil saja boleh menggemparkan manusia dengan ketakutan dan kepanikan yang menggemparkan dunia. Sepatutnya, alam semula jadi yang indah ini dipelihara dengan sebaik mungkin supaya krisis yang berlaku sebelum ini tidak lagi berulang. Serangan yang berlarutan lebih tiga tahun ini sepatutnya mampu mengingatkan kita bahawa setiap ujian pastinya ada berkat atau hikmah yang terselubung yang dapat dirasakan saat ini.

"Kepada yang tidak suka matahari sekarang mencari sinar matahari pagi, yang jarang berkomunikasi dengan keluarga, sekarang memanfaatkan waktu bersama keluarga," suara nenek kedengaran seolah-olah tahu apa yang bermain di benak fikiranku.

Bukan itu sahaja, pandemik COVID-19 perlu dilihat sebagai satu hikmah dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, meningkatkan kualiti ibadah, memperbanyak zikir serta memperkuat doa kerana manusia sungguh begitu lemah keberadaannya dan tidak berdaya melawan Novel COVID-19. Ia juga membuatkan kita sebagai manusia sedar bahawa dengan adanya wabak ini tidak layak membuat kita menjadi sompong kepada Allah,

yang menciptakan hidup dan mati. Ia mengingatkan kita sebagai manusia bahawa setiap makhluk hidup pasti akan mati namun hanya Allah yang mengetahui waktunya. Sangat menakutkan jika membayangkan kematian. Kerana kita sebagai manusia, masih memiliki banyak kesalahan dan dosa. Jangan sampai tergiur akan gemerlap dunia kerana dunia hanyalah tempat singgah sementara dan hanya perkara yang fana. Hamba yang baik hanya mengingat satu perkara, iaitu janji Allah akan kehidupan akhirat yang kekal adanya. Memang hebat dugaan COVID-19, namun hikmah yang tersirat dan rahmat tersembunyi juga besar. Perkara pertama sebagai seorang Muslim apabila ujian paling besar menimpa, kita sentiasa menginsafi dan meninggikan kesabaran kepada Allah. Sentiasa bersangka baik. Ketika

semua usaha, doa dan tawakkal telah kita lakukan maka bersabarlah dan memperbanyak doa agar wabak ini cepat diangkat oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah a-Ruum ayat 41 yang mafhumnya:

Telah nampak berbagai-bagaikerosakan di darat dan di laut disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan (buruk) yang mereka telah kerjakan supaya mereka kembali (bertaubat).

Allah lah segala pencipta langit, bumi, dan seisinya.

Allahu Akbar - Allah Maha Besar dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu.



TAKRIF FAKIR DAN MISKIN

Menurut Kamus Dewan, Edisi Keempat, mentakrifkan fakir dan miskin itu ialah:

FAKIR:

Orang yang berpendapatan kurang daripada pendapatan orang miskin (tidak mencukupi keperluan asas hariannya)

MISKIN:

Tidak berharta benda, serba kekurangan (dalam barang-barang keperluan hidup), melarat atau papa.

Menurut Syeikh Dr. Yusuf al-Qardhawi dalam kitab Fiqh az-Zakat mentakrifkan fakir dan miskin itu ialah:

FAKIR:

Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50 peratus daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50 peratus daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungan.

MISKIN:

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung orang-orang tanggungannya.

Kisah

**Umat Terdahulu Yang Takut Akan
Mati, Perintah Berperang Dan
Membelanjakan Harta Pada Jalan
Allah Subhanahu Wa Ta'ala.**

أَلَمْ تَرِئِي الَّذِينَ خَرَجُوا مِن دِيَرِهِمْ وَهُمُ الْوُفُّ حَذَرًا لِّمَوْتٍ فَقَالَ لَهُمْ اللَّهُ مُوْتُوْا
ثُمَّ أَخْيَرَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَا كُثْرَالنَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ^{٤٤٠}
وَقَاتَلُوْا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلَيْمٌ^{٤٤١} مَن ذَا الَّذِي يُفْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا
فَيُنَصِّعُهُ لَهُ وَأَخْصَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تَرْجَعُونَ^{٤٤٢}

(Surah al-Baqarah : 243-245)

Mafhumnya:

Tidakkah engkau mengetahui (wahai Nabi Muhammad) mengenai orang-orang (segolongan Bani Israel) yang keluar (melarikan diri) dari kampung halaman mereka kerana takutkan mati dan mereka itu beribu-ribu orang ramainya. Maka Allah berfirman kepada mereka: "Matilah kamu" (maka mereka pun mati). Kemudian Allah menghidupkan mereka semula. Sesungguhnya Allah mempunyai kurnia (yang dilimpahkan-Nya) atas manusia tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur. Dan berperanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah

sebagai pinjaman yang baik (dengan membelanjakan harta pada jalan Allah secara ikhlas), supaya Allah akan melipatgandakan baginya ganjaran yang berganda-ganda banyaknya? Dan Allah jualah yang menyempitkan dan meluaskan (pemberian rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya).

(Surah al-Baqarah :243-245)

Sebab Turun Ayat

Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban *Rahimahullah* daripada Ibnu ‘Umar *Radhiyallahu ‘anhuma*, dia berkata: “Setelah turun ayat (ayat 261, surah al-Baqarah):

مَّثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سِرٍِّ لِّلَّهِ
كَمَّثَلَ حَبَّةً أَنْبَتَ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ
سَبْلَةٍ مِّائَةً حَبَّةً وَلَهُ يُضْعِفُ لِمَنِ يَشَاءُ
وَلَهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ
۝

Mafhumnya:

Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan satu tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui).

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* menjelaskan bahawa Dia Maha Pemberi Rezeki; Dia meluaskan rezeki sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyempitkan rezeki sesiapa yang dikehendaki-Nya. Allah *Subhanahu wa Ta’ala* berbuat demikian adalah untuk menguji kesabaran hamba-hamba-Nya yang disempitkan rezeki dan menguji ketaatan mereka yang diluaskan rezeki dalam membelanjakan harta pada jalan-Nya.

Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

رَبِّ زِدْ أَمْتِي

Maksudnya:

“Wahai Tuhanku! Tambahkanlah lagi (pahala sedekah) untuk umatku.”

Maka turunlah ayat 245 ini.

Tafsiran Ayat

Allah *Subhanahu wa Ta’ala* menghabarkan kepada Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* dan orang-orang yang beriman tentang kisah satu kaum daripada Bani Israel yang tinggal di sebuah perkampungan bernama Dawardan yang melarikan diri meninggalkan kediaman dan kampung halaman mereka kerana takut akan mati disebabkan oleh wabak taun yang melanda sedang jumlah mereka itu beribu-ribu orang ramainya. Mereka pergi ke suatu lembah yang mereka rasa

selamat daripada ditimpa kematian, akan tetapi Allah *Subhanahu wa Ta’ala* mematikan mereka di sana. Setelah itu ada seorang nabi daripada Bani Israel yang dikatakan bernama Hizqil ‘alaihissalam melalui tempat mereka itu lalu berdoa kepada Allah *Subhanahu wa Ta’ala* agar mereka dihidupkan semula. Doanya diperkenankan dan kaum tersebut pun hidup kembali.

Perkhabaran ini sebagai peringatan dan pengajaran kepada umat Nabi Muhammad *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bahawa kematian dan kehidupan itu berada dalam kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Tidak ada gunanya lari daripada ketentuan dan takdir Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan sesungguhnya tidak ada tempat berlindung daripada ketentuan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* melainkan hanya kepada-Nya. Oleh yang demikian, lari daripada peperangan atau menghindarkan diri daripada berjihad kerana takutkan mati dengan berlindung di sebalik benteng serta bersembunyi di dalam rumah tidak akan menyelamatkan daripada kematian jika ajal telah tiba seperti mana kisah yang dikhabarkan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* mengenai orang-orang yang lari daripada wabak taun.

Sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta’ala* memiliki kurnia dan kebaikan yang dilimpahkan-Nya ke atas hamba-hamba-Nya dengan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan-

Nya untuk menunjukkan kepada mereka jalan yang lurus dan supaya mereka tidak mengikuti jalan yang sesat. Antara tanda-tanda kekuasaan tersebut ialah peristiwa menghidupkan semula orang yang telah mati sebagai bukti yang jelas bahawa adanya kebangkitan pada hari Kiamat. Peristiwa tersebut dapat menjadi pengajaran kepada hamba-hamba-Nya agar mereka mengetahui bahawa segala sesuatu berada dalam kekuasaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*. Namun kebanyakan manusia tidak mensyukuri ni’mat-ni’mat yang telah Allah *Subhanahu wa Ta’ala* kurniakan ke atas mereka bahkan mereka mengkufuri dan mengingkarinya.

Seterusnya Allah *Subhanahu wa Ta’ala* memerintahkan orang-orang yang beriman untuk berperang pada jalan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* bagi menegakkan agama-Nya.

Sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dengan limpah rahmat-Nya menghabarkan terlebih dahulu tentang kisah orang yang lari kerana takut mati sebelum memerintahkan orang-orang yang beriman berperang pada jalan-Nya adalah sebagai dorongan kepada mereka supaya tidak takutkan kepada kematian dan tidak mengelak daripada perintah untuk berperang. Ini kerana melarikan diri daripada peperangan itu tidak menjamin terselamat daripada kematian sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam surah al-Ahzaab ayat 16:

قُلْ لَنْ يَنْفَعُكُمُ الْفِرَارُ إِنْ فَرَّتُمْ مِّنَ الْمَوْتِ
أَوْ أُلْقَنَّ فَلَذَا لَا تَمْنَعُونَ إِلَّا قِلْلًا ﴿٦﴾

Marhumnya:

Katakanlah (*wahai Nabi Muhammad*): “Melarikan diri (*daripada medan peperangan*) itu sekali-kali tidak akan berguna bagi kamu, jika kamu melarikan diri itu (*Takut*) daripada kematian atau pembunuhan, (*sekalipun dengan lari itu kamu terhindar daripada kematian*) namun kamu tidak juga akan meni’mati kesenangan hidup melainkan hanya sebentar sahaja.

Allah Subhanahu wa Ta’ala juga menjanjikan ganjaran bagi orang-orang yang berperang pada jalan-Nya sama ada mengurniakan mereka kemenangan ketika di dunia atau ganjaran syurga di akhirat sebagai galakan untuk mereka menta’ati perintah Allah Subhanahu wa Ta’ala untuk berperang ke jalan-Nya.

Allah Subhanahu wa Ta’ala menjelaskan lagi kepada orang-orang yang beriman bahawa Dia Maha Mendengar setiap perkataan yang mereka ucapkan, sama ada kata-kata yang diucapkan oleh orang-orang yang munafiq daripada kalangan mereka atau kata-kata orang yang benar-benar berperang pada jalan-Nya. Allah Subhanahu wa Ta’ala juga Maha Mengetahui setiap perbuatan dan niat yang ada dalam hati mereka sama ada mereka itu munafiq, kafir atau tidak mensyukuri ni’mat-ni’mat-Nya serta akan menghitung dan membalaas setiap amal perbuatan mereka. Seterusnya Allah Subhanahu wa Ta’ala memberi galakan kepada hamba-hamba-Nya supaya membelanjakan harta pada jalan-Nya, maka Allah Subhanahu wa Ta’ala menjelaskan bahawa sesiapa yang mahu membelanjakan harta dengan cara yang baik dan hati yang ikhlas semata-mata mengharapkan keredhaan-Nya.



Jangan Berseidih

Sesungguhnya Setelah Kesulitan
Pasti Ada Kesenangan

لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا...

Mafhumnya:

Allah tidak membebani seseorang (*dengan kewajipan*) melainkan apa yang terdaya olehnya...

(Surah al-Baqarah: 286)

Setiap kesulitan yang datang merupakan kurnia daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam menempuh liku-liku hidup. Namun demikian Dia tidak akan membebani, menguji atau memberati seseorang melainkan apa yang terdaya dan termampu.

Malahan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan memberikan pahala kebaikan jika seseorang yang sedang diuji tersebut bersabar dan melakukan kebaikan dan mencari jalan keluar dengan cara yang diredhai-Nya, dan sebaliknya Dia akan memberikan dosa jika ia tidak bersabar dan mencari jalan keluar dengan cara yang tidak diredhai-Nya.

Sabar dan tawakkal, adalah kunci kita dalam menghadapi setiap kesulitan yang datang. Bersabarlah pada setiap liku-liku hidup yang kita alami dengan sentiasa mengingati atau mengekalkan kesedaran tentang hakikat atau hikmat di sebalik musibah itu.

Yakinlah, setiap kesulitan yang kita hadapi merupakan satu keuntungan di mana Allah Subhanahu wa Ta'ala hendak menjadikan kita lebih kuat.

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرٌ ۝ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرٌ ۝

(Surah al-Insyirah ayat 5-6)

Maftumnya:

Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan.

Ayat di atas merupakan janji Allah, jadi sesungguhnya tidak mungkin Allah membebani kita dengan ujian yang tidak kita sanggup.

Allah akan memberikan kemudahan bagi hamba-Nya sebagaimana ayat di atas menjelaskan sebanyak dua kali dengan tegas bahawa sesungguhnya Allah memberikan kemudahan setelah kesulitan.

Tiada sesiapa yang mahu diri ditimpa musibah, kesusahan dan lain-lain. Kita juga sedaya upaya berusaha mengelakkan diri daripada rasa sedih dan berdukacita.

وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكْرِينَ ۝

Maftumnya:

...Mereka merancang tipu daya (untuk membunuhmu) dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka itu).

Dan Allah sebaik-baik pembalas tipu daya.

(Surah al-Anfaal : 30)

Sepertimana kisah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dan Sayyidina Abu Bakar Radhiallahu 'anhu yang bersembunyi selama tiga hari di Gua Tsur setelah dikejar oleh kaum musyrik. Mereka melalui detik-detik mencemaskan dengan berbagai rintangan dan dugaan. Dengan keadaan yang sempit, gelap gelita dan pemandangan yang terbatas, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menghabarkan kepada Abu Bakar Radhiallahu 'anhu bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala ada bersama-sama mereka. Sehingga mereka berasa aman, tenteram dan tenang.

Kisah ini membuktikan bahawa dalam setiap keadaan dan kesulitan, pelindung yang sebenar-benarnya adalah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Kita perlu perkuatkan tauhid dan aqidah kerana tidak ada pelindung di dunia ini selain Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Justeru itu, kita harus yakin bahawa kita sebetulnya mampu untuk melewati semua ujian yang dikurniakan Allah kepada kita. Sesulit apapun beban hidup yang kita hadapi, walaupun ianya membuat kita merasa putus asa. Janji Allah pasti. Setiap kesulitan pasti ada kesenangan.



Tersesat

Kembalilah Ke Pangkal Jalan

Oleh: Muhammad Haziq Syafiq bin Razali

Pemenang Kedua Kategori Sajak bagi Peraduan
Penulisan Seni Kreatif dan Non Kreatif Berunsur
Islam sempena Sambutan Maulud Nabi **Shallallahu**
'alaihi wa sallam 1444H / 2022M



Hidup ini
penuh dosa
penuh noda
penuh dugaan
penuh ujian
penuh cabaran
banyak muslihat
banyak tipu daya
banyak godaan
banyak keinginan
banyak hasutan
Cuma semua itu
akan dapat kita tangkis
dengan keteguhan iman
dengan kuatnya pegangan
dengan mantapnya aqidah

dengan sucinya hati nurani
dengan keyakinan
dengan harapan dan tawakkal
dengan kepercayaan
dengan ketakwaan.

Namun manusia itu
Allah beri keistimewaan
Allah beri akal fikiran
Allah beri kesempatan
Allah beri peluang
meski kadangkala tersasar
meski kadangkala ada kesilapan
meski kadangkala ada kesalahan
tetapi dengan akal fikir yang Allah ciptakan
kita berusaha sedaya upaya
dengan kudrat yang ada
melontar jauh dari terus bertakhta
dari terus menetap di sanubari
tanpa sedar diri.

Hanya kesedaran dan keinsafan
yang membangunkan kita dari terus terlena
hanya iman dan takwa
al-Qur'an dan Hadits
tempat bersandar diri
dari terus menerus rebah
lalu jatuh tersongkor
ke lembah noda dan dosa
lalu terkapar tanpa pertolongan
yang akhirnya timbul
penyesalan.





Jika tersesat jalan
kembalilah ke pangkal jalan
agar tidak tersesat hingga ke
penghujungnya
melangkahlah terus ke depan
menghala ke jalan lurus bukan
jalan bengkok
bertawakkal kepada-Nya dengan penuh
keyakinan
mengharap keredhaan
mengharap keampunan.

Ya Allah, Ya *Rabbi!*
hanya kepada-Mu hamba berserah diri
Ya *Khaliq*
Yang meciptakan kami
Ya *Muqtadir*
Yang Maha Berkuasa
Ya *Rahiim*
Yang Maha Penyayang
Ya *'Afuuwu*
Yang Maha Pemaaf
Ya *Tawwab*
Yang Maha Pengampun (menerima taubat)
Astaghfirullah al Azhiim!
ampunkanlah dosa-dosa kami
terimalah taubat kami.

Usia manusia semakin melangkah pergi
dunia bakal ditinggalkan
bersediakah kita?
tiada siapa yang tahu
bila, di mana dan bagaimana?
kapan usia kita berada di titik noktah?

sempatkah kita memohon keampunan
atas dosa dan kemaksiatan?
sempatkah kita memohon kemaafan sesama insan?
mungkin inilah terakhir kita
untuk bernafas dan tersenyum
untuk melihat situasi alam
yang penuh warna warni kehidupan
namun semuanya akan kita tinggalkan.

Hanya kesedaran
hanya keinsafan
hanya keimanan
hanya ketakwaan
hanya amal
hanya pahala
yang bakal dibawa bersama nanti
tempat kita bersemadi
semoga kekal bersemayam
di alam syurgawi.



Doa MEMOHON MURAH REZEKI

اللَّهُمَّ رِبَّنَا أَنْزَلْتُ عَلَيْنَا مَآيِّدَةً مِّنْ السَّمَاءِ
تَكُونُ لَنَا عِيدًا لِأَوْلَانَا وَأَخِرَنَا وَإِيمَانَهُ
مِنْكَ وَأَرْزُقْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْأَرْزُقِينَ

Mafhumnya:

"Ya Allah ya Tuhan kami! Turunkanlah kepada kami suatu hidangan dari langit (yang pada hari turunnya) akan menjadi hari raya bagi kami iaitu bagi orang yang ada bersama kami dan yang akan datang kemudian dan menjadi tanda kekuasaan-Mu. Dan kurniakanlah rezeki kepada kami kerana Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki."

(Surah al-Maa'idah : 114)

UJIAN KEMISKINAN ITU BERAT, TAPI UJIAN KEKAYAAN ITU LEBIH BERAT

| mam al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada ‘Amr bin ‘Auf al-Muzanni Radhiallahu ‘anhu, Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

“Demi Allah, bukanlah kefakiran yang paling aku takutkan terhadap kamu. Namun yang paling aku takutkan terhadap kamu adalah kekayaan dunia yang berlimpah dijadikan kepada kamu, sebagaimana pernah terjadi pada orang-orang sebelum kamu. Lalu kamu berlumba-lumba mendapatkannya sebagaimana orang-orang terdahulu. Sehingga akhirnya kamu pun binasa sebagaimana binasanya orang-orang terdahulu.”



Allah Meluaskan Rezeki

"Sesungguhnya Tuhanmu meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyempitkannya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Teliti lagi Maha Melihat hamba-hamba-Nya."

- Terjemahan Surah al-Israa' : 30 -